ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"KECEKAPAN pemimpin dan pengurusan, terutama kecekapan menangani situasi di luar dugaan adalah antara perkara yang sangat perlu diberikan fokus yang cukup."
- Titah sempena Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21, Tahun 1436 Hijrah / 2014 Masihi, pada 4 Safar 1436H bersamaan dengan 27 November 2014M di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pelita BRUNEI
ڤليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183.

TAHUN 60 / BILANGAN 70 | 13 JUN 2015 / 1436 شعبان 26 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA


# Amil perlu jujur, amanah laksanakan tugas

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 11 Jun. - Tugas dan tanggungjawab sebagai amil adalah satu tugas yang berat dan mencabar walaupun pada dasarnya nampaknya mudah.

Untuk menjadi amil hendaklah menanamkan niat kerana Allah dan bukan kerana hendak mendapatkan upah amil atau bukan kerana hendak mendapatkan kesenangan duniawi atau material.

Ini kerana ia adalah ibadah rukun Islam yang wajib dilaksanakan dengan sempurna.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyatakan perkara tersebut pada Majlis Penyampaian Tauliah Amil-Amil Seluruh Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Menurut Yang Berhormat untuk menjadi seorang amil perlu mempunyai ciri penting antaranya seperti ciri adil, iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya, jujur dan amanah, iaitu menghindarkan dari perbuatan khianat, dedikasi dan penuh komitmen, iaitu sedaya upaya melayan umat Islam yang mengeluarkan zakat dengan penuh sopan dan tanggungjawab serta hendaklah taat kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Oleh kerana itu, Yang Berhormat menegaskan, adalah penting selaku amil bersifat jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas.

"Maka apabila seorang amil itu telah mengambil kesempatan dengan menggunakan kutipan wang zakat untuk keperluan peribadi, umpamanya untuk melangsaikan hutangnya atau perbelanjaan membaiki keretanya dan sebagainya maka dia telah melakukan dosa besar, iaitu khianat dan menggunakan harta bukan miliknya.

Walaupun mungkin amil ini beranggapan bahawa dia memiliki bahagian upahnya di dalam kutipan zakat itu, perbuatannya itu masih tetap salah dan berdosa kerana kerja-kerja pembahagian upah amil belum dilaksanakan, jumlah upahnya belum ditentukan dan dia belum berhak ke atas kutipan zakat tersebut," ungkap Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ke arah itu, Yang Berhormat menasihatkan agar para amil sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang ada dan mereka hendaklah menyerahkan kutipan wang zakat itu dalam tempoh yang ditetapkan ke Unit Kutipan, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Ini, jelasnya, bermaksud selagi wang zakat berada dalam simpanan para amil maka selama itulah para amil sekalian berkewajipan menjaga dan memeliharanya dengan sempurna.

Oleh itu, Yang Berhormat menegaskan, mana-mana kehilangan yang berlaku sama ada akibat kecurian atau tercicir atau akibat kecuaian amil sendiri hendaklah dilaporkan dengan segera tanpa bertangguh ke balai polis yang berdekatan dan seterusnya melaporkan kepada Jabatan MUIB.

"Perlu diingat kegagalan amil melaporkan kehilangan wang zakat boleh menimbulkan prasangka bahawa amil tersebut telah menyalahgunakan atau menyelewengkan kutipan wang zakat tersebut untuk keperluan peribadi dan sebagainya," jelas Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pada tahun ini seramai 310 orang amil telah dilantik bagi 140 kawasan tempat mengutip zakat di seluruh negara, iaitu seramai 179 orang amil bagi 80 kawasan mengutip disediakan bagi Daerah Brunei dan Muara, manakala Daerah Belait seramai 26 orang amil bagi 15 kawasan.

Ke muka 24



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyampaikan tauliah kepada salah seorang amil yang dilantik.

## Sambutan Perkhidmatan Tentera Gurkha kepada Kerajaan Inggeris Ke-200 Tahun



200 THE GURKHAS YEARS OF SERVICE TO THE CROWN 1815-2015

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland serta His Royal Highness Prince Charles, Prince of Wales pada Majlis Sambutan Perkhidmatan Tentera Gurkha kepada Kerajaan Inggeris Ke-200 Tahun di Royal Hospital Chelsea, London. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali (*Lihat muka 12 dan 13*).**

## Hari Keluarga Penderma Darah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 12 Jun. - Sempena Hari Penderma Darah Sedunia 2015, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha akan mengadakan Hari Keluarga Penderma Darah pada hari Ahad, 14 Jun 2015 dan Kempen Derma Darah Besar-Besaran pada 15 dan 16 Jun 2015 bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Berakas.

Pelbagai aktiviti dan acara permainan telah diaturkan semasa Hari Keluarga dan Kempen Derma Darah tersebut seperti gerai-gerai jualan termasuk makanan dan minuman, 'Car Boot Sales', Zumba, 'Reptile Show', 'Haunted House', 'Flying Fox', 'Pony Ride', 'Face Painting', 'Henna', 'Colouring Competition', 'Spelling Bee' dan banyak lagi.

Selain itu, orang ramai yang ingin mendermakan darah adalah dialu-alukan untuk menyertai Kempen Derma Darah Besar-Besaran yang akan diadakan selama dua hari bermula dari 15 hingga 16 Jun 2015.

Aktiviti lain seperti pameran mengenai menderma darah dan kesihatan serta saringan pemeriksaan kesihatan secara percuma juga akan diadakan pada hari tersebut.

Sehubungan ini, orang ramai adalah dialu-alukan hadir beramai-ramai bersama keluarga dan rakan-rakan bagi memeriahkan hari-hari tersebut, di samping turut serta dalam kempen menderma darah.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian 2242424 sambungan 5745 / 5709, atau melalui e-mel ke *wbdd2015bn@gmail.com* / *bdcripas@gmail.com*. Orang ramai juga boleh mengikuti akaun media sosial Facebook *BloodBankRIPAS.Brunei* dan Instagram *@bloodbank_ripas* dan *@wbdd2015bn*.

# Ekonomi Koridor Brunei-Guangxi terus meningkat

**Bismillahir Rahmanir Raheem**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

PERTAMA sekali, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada Tuan Yang Terutama Mr. Peng Qinghua, Setiausaha Parti Communisi China bagi Jawatankuasa Guangxi dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres rakyat Guangxi dan delegasinya ke Negara Brunei Darussalam dan berharap awda merasa selesa dan mendapat kenangan semasa berada di Negara Brunei Darussalam.

Selamat datang ke Simposium Ekonomi Koridor Brunei-Guangxi diadakan di Negara Brunei Darussalam buat kali pertama.

Negara Brunei Darussalam dan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang Republik Rakyat China menandatangani Memorandum Persefahaman untuk menubuhkan kerjasama Ekonomi Koridor Brunei-Guangxi (BGEC) pada 17 September 2014.

BGEC adalah satu inisiatif strategik dan inovatif untuk mencipta hubungan khusus dengan pasaran yang semakin meningkat melalui salah satu wilayah China, maka Wilayah Autonomi Guangxi-Zhuang. Guangxi-Zhuang, dengan sumber semula jadi yang kaya dan tenaga buruh yang mahir, mempunyai potensi yang besar dalam menjana nilai bagi orang ramai dan syarikatnya. Ia terletak di bahagian Selatan China dan mempunyai akses terus ke Laut China Selatan.

Bagi Negara Brunei Darussalam, BGEC diciptakan dari keperluan untuk menyelesaikan beberapa isu utama negara seperti keselamatan makanan, pekerjaan dan pembangunan ekonomi. Pada keseluruhan ia adalah sejajar dengan Wawasan 2035 dan lebih penting ia akan menangani beberapa masalah yang lazim dihadapi negara kecil seperti terhadnya kawasan tanah dan penduduk.

Simposium BGEC kita hari ini dihadiri oleh delegasi daripada pegawai-pegawai kerajaan yagn berkaitan, sektor swasta dan persatuan-persatuan perniagaan, yang diharapkan bakal menjawab beberapa persoalan seperti bagaimana mewujudkan perancangan yang kukuh dan mewujudkan keupayaan untuk merealisasikan BGEC.

Izinkan saya untuk mengetengahkan beberapa kerjasama yang sedang dikenal pasti menerusi kerjasama penting BGEC ini. Untuk Guangxi, projek-projek yang berpotensi adalah :

i. Guangxi Nanning 'Pertanian & Taman Perindustrian China-Brunei', dengan 'Taman Makanan Halal' yang akan ditubuhkan menggunakan model taman-dalam-taman;
ii. Industri farmaseutikal dan penjagaan kesihatan Guangxi Yulin China, projek buah-buahan dan sayur-sayuran organik;
iii. Projek industri penjagaan kesihatan Guangxi Hechi;
iv. Kerjasama perindustrian di Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia;
v. Kerjasama logistik di Qinzhou dan
vi. Membuat laluan penerbangan Nanning - Bandar Seri Begawan.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyampaikan ucaptama pada Simposium Brunei-Guangxi Economic Corridor, pada hari Rabu, 1 April 2015 di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, Negara Brunei Darussalam.

Manakala bagi Negara Brunei Darussalam, projek-projek yang berpotensi termasuk :

i. Koridor BioInnovasi Brunei;
ii. Projek penanaman padi basah Brunei;
iii. Projek pembiakan produk akuatik Brunei;
iv. Taman Industri Brunei (di bawah BINA);
v. Kebudayaan dan projek Eko-pelancongan Brunei.
vi. Perkhidmatan industri dan logistik berkaitan dengan pelancongan.

Oleh itu, BGEC akan menggalakkan perusahaan dan sokongan dari kedua-dua tempat, atas dasar perundingan mesra bersama dan memberi manfaat untuk menjalankan kerjasama ekonomi dan perdagangan yang berkaitan dalam pelbagai sektor: pertanian, industri, pemprosesan makanan halal, logistik, penjagaan kesihatan, farmaseutikal, bioperubatan dan pelancongan, sesuai dengan potensi dan prinsip-prinsip pasaran.

Melalui BGEC, negara-negara pihak ketiga boleh membuat sebahagian besar Negara Brunei Darussalam sebagai landasan untuk mengakses pasaran China dan Guangxi untuk menerajui pembangunan ekonomi dan perindustrian.

Projek Pembangunan Bio Inovasi Koridor (BIC) Brunei Darussalam, adalah tapak pembangunan atau teknologi taman perindustrian yang dibangunkan khusus untuk produk Halal. BIC memanfaatkan tawaran unik Negara Brunei Darussalam pada produk makanan yang disahkan kehalalannya dan tidak tercemar statusnya untuk masuk ke Pulau Borneo dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur - Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina ((BIMP-EAGA), China, Korea dan Jepun. BIC adalah produk makanan Halal bertemakan industri pembuatan taman, makanan tambahan kesihatan, produk bioperubatan dan kosmetik.

Melalui BGEC, syarikat-syarikat boleh beroperasi dalam BIC dengan niat untuk mengakses pasaran China dan ASEAN. Begitu juga syarikat yang terletak di BIC, boleh menerima bahan-bahan mentah dari Guangxi Zhuang dan rantau BIMP-EAGA untuk diproses dan menambah nilai.

Saya percaya simposium ini akan menyediakan maklumat lanjut mengenai dan pandangan kepada bakal pelabur atau usaha sama yang mencadangkan kerjasama dan usaha sama projek-projek yang akan dibentangkan oleh wakil-wakil dari Negara Brunei Darussalam dan Guangxi.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya ingin mengambil peluang sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan saya kepada Tuan Yang Terutama Mr. Peng Qinghua, dan juga Kerajaan Guangxi Zhuan Wilayah Autonomi Republik Rakyat China di atas sokongan yang berterusan dalam membuat program ini berjaya.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada awda semua kerana menghadiri simposium ini dan saya berharap simposium awda membuahkan hasil.

Terima kasih.

***SIMPOSIUM BGEC kita hari ini dihadiri oleh delegasi daripada pegawai-pegawai kerajaan yang berkaitan, sektor swasta dan persatuan-persatuan perniagaan yang diharapkan bakal menjawab beberapa persoalan seperti bagaimana mewujudkan perancangan yang kukuh dan mewujudkan keupayaan untuk merealisasikan BGEC.***

## Dari Sidang Pengarang.

13 JUN 2015 BERSAMAAN 1436 شعبان 26

### KEPENTINGAN KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN MAKANAN

ASPEK kebersihan dalam kehidupan seharian merupakan satu perkara yang amat penting. Ia satu unsur penting sistem peradaban manusia demi menjaga kesihatan rohani dan jasmani. Malahan dalam agama Islam sendiri menekankan kebersihan dalam semua perkara. Pentingnya kebersihan dapat dicerminkan apabila kebersihan merupakan salah satu syarat sebelum melakukan sembahyang, iaitu suci dari hadas serta suci seluruh anggota badan, pakaian dan tempat.

Manakala dari segi sudut saintifik pula kebersihan adalah penting kerana ia mencegah penyakit dari menular. Jika persekitaran kotor ia akan mudah mengundang penyakit. Kebersihan bermakna kita menghindari bakteria, virus dan sebagainya.

Ini sudah cukup menggambarkan betapa pentingnya aspek kebersihan, apatah lagi jika ia berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan.

Negara Brunei Darussalam sejak beberapa tahun lalu memperkenalkan sistem penggredan bagi premis-premis makanan bertujuan bagi menjaga tahap kualiti kebersihan dan keselamatan makanan, di samping menjaga keindahan, keselamatan dan perkhidmatan kepada pelanggan serta pengunjung.

Malahan baru-baru ini Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria telah menyampaikan sijil-sijil pengiktirafan penilaian penggredan kedai makan dan restoran di bawah Lembaga Kuala Belait dan Seria kepada 38 buah premis di mana 12 premis mendapat Gred 'A', 11 premis menerima Gred 'B', dan lapan premis menerima Gred 'C'. Ini adalah peningkatan sebanyak 33 peratus premis makanan memperoleh Gred 'A' tahun ini jika dibandingkan tahun lepas, iaitu 13 peratus sahaja.

Peningkatan ini menunjukkan perkembangan yang positif serta peningkatan kesedaran akan pentingnya menjaga kebersihan dan keselamatan makanan.

Secara am dari segi kebersihan dan keselamatan makanan, antara perkara-perkara yang perlu diambil kira ialah kebersihan bahan mentah, pengendalian makanan yang bersih, kebersihan pengendali makanan, premis yang bersih dan selamat, keperluan kesihatan asas yang mencukupi, suasana premis makanan yang bersih dan sesuai serta penyediaan dan penyimpanan makanan yang betul.

Apabila perkara-perkara asas ini tidak dilaksanakan, pencemaran makanan akan mudah berlaku. Makanan yang tercemar dan tidak bersih boleh mengandungi bahan-bahan berbahaya atau kuman dan boleh menyebabkan beberapa penyakit seperti keracunan dan lain-lain.

Berkata mengenai kebersihan dan keselamatan makanan, bulan Ramadan tidak lama lagi akan tiba. Seperti yang sedia maklum dan pada lazimnya, gerai-gerai makanan akan didirikan di beberapa lokasi strategik, menyajikan makanan-makanan yang lazat.

Namun perlu diingatkan kepada pengendali gerai makanan untuk menjaga kebersihan dan keselamatan makanan yang disajikan. Manakala kepada para pembeli pula diingatkan supaya memilih makanan yang sihat. Di samping itu, ia juga adalah salah satu usaha agar kita dapat beribadah dibulan mulia dalam keadaan badan yang sihat dan cergas.

Sehubungan itu, jagalah kebersihan dan keselamatan makanan demi kesihatan dan kesejahteraan kita jua.
**- Ketua Penyuntingan (Ss).**





SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahhmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ketua Penyuntingan**
Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Bolhassan Haji Abu Bakar

**Penyemakan**
Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Sylvina Hon Zae Leena,
Nurul Qaidah Ahmad

**Penyuntingan**
Samle Haji Jait,
Nurhamizah Hassim,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar


| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 123 | 2380214 |

# Timbalan Sultan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Veteran Australia

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Veteran Australia, Yang Berhormat Senator Michael Ronaldson.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Yang Berhormat Michael Ronaldson yang juga Menteri membantu Perdana Menteri dalam Sambutan 100 Tahun Tentera Australia dan New Zealand (ANZAC) dan Menteri Khas Negeri berserta rombongan berada di negara ini dalam rangka lawatan sempena memperingati 70 tahun pendaratan Oboe Six di Pantai Muara.

Hadir dalam Majlis Mengadap itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Todd Mercer; Pengarah Misi, Mejar Jeneral Michael Kelly dan lapan orang veteran tentera Australia.

Turut hadir Pemangku Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Veteran Australia yang juga Menteri membantu Perdana Menteri dalam Sambutan 100 tahun Tentera Australia dan New Zealand (ANZAC) dan Menteri Khas Negeri, Yang Berhormat Senator Michael Ronaldson.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan bergambar ramai bersama Menteri Hal Ehwal Veteran Australia yang juga Menteri membantu Perdana Menteri dalam Sambutan 100 tahun Tentera Australia dan New Zealand (ANZAC) dan Menteri Khas Negeri, Yang Berhormat Senator Michael Ronaldson berserta rombongan berada di negara ini dalam rangka lawatan sempena memperingati 70 tahun pendaratan Oboe Six di Pantai Muara.

# Bergotong-royong hidupkan semangat berkampung



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman membuat lawatan ke Tapak Kebun Majlis Perundingan Kampung Lumapas.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**MUKIM LUMAPAS**, Selasa, 9 Jun. - Kepentingan mewujudkan kebun antaranya untuk menghidupkan semula tradisi lama bergotong-royong dan berkebun. Dengan tradisi lama bergotong-royong dan berkebun itu pula akan menghidupkan semangat kampung.

Penasihat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Lumapas (MPMK), Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata demikian semasa ditemu bual Pelita Brunei selepas lawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman ke Tapak Kebun Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas, di sini.

Menurutnya, selepas menerima tanah pada tahun 2013, MPK Lumapas mengalami 18 bulan kegagalan namun atas bantuan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) maka masalah air dapat diatasi dengan bantuan kewangan dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

"Pada tahun 2013 hingga 2014, di mana 4,000 biji tanaman 'semaian' yang disemai musnah disebabkan hujan yang turun dengan tidak lebat (sedikit)," jelasnya.

Dato Paduka Awang Haji Jemat seterusnya menyatakan, MPK Lumapas kini mempunyai seramai lebih 100 ahli yang mana seramai 13 orang daripadanya yang turun ke kebun pada bulan lepas dan hasil jualan dari bahagian masing-masing pula memperolehi sebanyak lebih BND700 sebulan, BND500 sebulan, BND100, BND50 tertakluk pada bahagian dan jumlah waktu mereka bekerja.

Oleh yang demikian, beliau berhasrat hasil jualan tersebut akan menjadi pulangan kepada pengusaha-pengusaha kampung selain matlamat kebun untuk dapat membangunkan bangunan di kebun tersebut dengan perancangan menjual lada yang segar, di samping memproses lada tersebut.

Tujuan lada segar itu dijual adalah untuk diproses, di samping mendapatkan mesin-mesin memproses lada untuk dijadikan sebagai teori dengan menggunakan dua jenis lada, antaranya lada 'kulai'.

# Kumpulan Az Zahraa johan Pertandingan Nasyid 2015

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 7 Jun. - Kumpulan Az Zahraa muncul johan Pertandingan Nasyid 2015 yang berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB) di ibu negara.



**SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyampaikan piala kepada pemenang tempat ketiga Pertandingan Nasyid 2015, Kumpulan An Najihun.**

Naib johan disandang oleh Kumpulan Ar Roja dan tempat ketiga diberikan kepada Kumpulan An Najihun.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Johan menerima hadiah wang tunai BND2,000 berserta piala rebutan, piala iringan, sijil penyertaan dan baucer sumbangan Restoran Makanan Arab - Gwad Basha Sendirian Berhad.

Manakala naib johan menerima hadiah wang tunai BND1,500 berserta piala iringan, sijil penyertaan dan baucer sumbangan Restoran Makanan Arab - Gwad Basha Sendirian Berhad.

Pemenang tempat ketiga pula menerima hadiah wang tunai BND1,000 berserta piala iringan, sijil penyertaan dan baucer sumbangan Restoran Makanan Arab - Gwad Basha Sendirian Berhad.

Pada pertandingan itu, Persembahan Lagu Terbaik juga dimenangi oleh Kumpulan Az Zahraa manakala Suara Utama Terbaik turut diberikan kepada Ar Roja.



**SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan menyampaikan piala kemenangan kepada Kumpulan Az Zahraa selepas muncul johan pada Pertandingan Nasyid 2015.**

Sebanyak lapan buah kumpulan bertanding di peringkat akhir yang mewakili beberapa kumpulan dan persatuan.

Pertandingan Nasyid 2015 Kali Ketiga anjuran RTB bertujuan sebagai wadah pembentukan sahsiah yang lebih mantap dan terarah sejajar dengan gagasan Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneraju negara ini menjadi sebuah 'Negara Zikir' berlandaskan calak 'Melayu Islam Beraja' sebagai teras kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara.

# Galakkan golongan belia mencintai Al-Qur'an



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.**

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 4 Jun. - Seramai 23 peserta telah memperdengarkan hafalan dan menguji pemahaman masing-masing pada Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi.

Pertandingan yang memasuki hari kedua dan terakhir ini telah diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof.

Pertandingan tersebut antara lain dihasratkan bagi menggalakkan golongan belia supaya berjinak-jinak mencintai Al-Qur'an melalui bacaan dan hafalan serta memahami Al-Qur'an dengan sempurna selain untuk menjadikan budaya membaca Al-Qur'an sebagai salah satu kebiasaan serta amalan menambahkan lagi golongan penghafaz-penghafaz Al-Qur'an di negara ini, di samping untuk mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Keputusan musabaqah akan diumumkan pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1436H / 20 15M yang akan diadakan pada bulan Ramadan akan datang.



**PESERTA Musabaqah pertama dalam Kategori 'A' (lima peserta).**

# Budayakan tulisan Jawi

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 4 Jun. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Ilmu Teras melancarkan Pembudayaan Tulisan Jawi sebagai salah satu medium untuk mempromosikan penggunaan tulisan Jawi di semua bahagian di KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan majlis tersebut yang berlangsung Dewan Tarbiyyah, kolej berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim.

Pelancaran Pembudayaan Tulisan Jawi bertujuan untuk menyebarluaskan penggunaan tulisan Jawi di kolej berkenaan melalui persuratan, media dalam fakulti, pusat dan bahagian.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Asma al-Husna dan Surah Al Faatihah diketuai dan dipimpin oleh Awang Haji Mohd. Zainul Arifin Ridwan Lubis dari Pusat Ilmu Teras KUPU SB.

Pengarah Pusat Ilmu Teras, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Ibrahim dalam ucapannya menjelaskan pelancaran tersebut dilaksanakan dalam dua sesi iaitu Bengkel Pengenalan Tulisan Jawi dan Penggunaan e-Jawi dalam komputer.



**Rae's KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim menyerahkan *banner* pelancaran Pembudayaan Tulisan Jawi kepada guru KUPU SB.**

Melaluinya, beliau berharap usaha menyebarluaskan tulisan Jawi di luar KUPU SB akan lebih dinamik dan progresif.

Majlis turut diselajurkan dengan penyerahan *banner* Pembudayaan Tulisan Jawi di KUPU SB kepada wakil fakulti, pusat dan juga bahagian.

Dengan tema 'Tulisan Jawi Identiti dan Khazanah Bangsa' ia diharap akan dapat menyuntik semangat cinta Jawi dan memberi kekuatan serta motivsi kepada warga KUPU SB untuk terus memperkasa dan menggunakannya.

# Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa dibukakan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara, Tutong, Belait dan Temburong akan mengendalikan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa untuk pemilihan awal bagi mencari wakil qari dan qariah yang akan mewakili negara ke Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

Pertandingan tersebut dimulakan di Peringkat Masjid yang akan diadakan pada 1 hingga 30 September 2015 bertempat di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Sehubungan itu, borang-borang penyertaan telah dibukakan dan boleh diperolehi di Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Simpang 15, Kampung Sumbiling atau di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara, Tutong, Belait dan Temburong. Tarikh tutup mengembalikan borang ialah pada hari Sabtu, 15 Ogos 2015, jam 4.00 petang.

Untuk makluman lanjut mengenainya boleh menghubungi terus Setiausaha Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Zon dan Daerah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Tamin melalui talian 2223264 (waktu pejabat) atau melalui talian 7246737.

# Islam pilihan keluarga Awang Degelas

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**TEMBURONG,** Jumaat, 5 Jun. - Jumlah penganut agama Islam di negara ini terus meningkat dengan berlangsungnya Majlis Pengislaman keluarga berbangsa Iban di daerah ini.

Majlis pengislaman bagi Awang Degelas anak Menchok yang kini dikenali sebagai Awang Muhammad Ashim Amrullah bin Abdul Rahman Menchok berserta isteri dan anak-anaknya disempurnakan di hadapan para pegawai dari Unit Dakwah Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis yang berlangsung di Kampung Sumbiling Baru, Jalan Batang Duri, Mukim Amo ialah Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Azizah binti Haji Musa.

Sejurus sempurna Majlis Pengislaman, Awang Muhammad Ashim Amrullah dan isterinya, Dayang Ainul Mardhiyah binti Abdullah Lanchap serta anak-anak mereka, Awang Muhammad Qayyum bin Muhammad Ashim Amrullah dan Awang Ainnur Amniyah binti Muhammad Ashim Amrullah juga menerima cenderahati, disampaikan oleh Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina.

Majlis diserikan dengan dikir marhaban yang diselajurkan dengan menabur bunga rampai kepada saudara-saudara baru berkenaan.



SAUDARA baru, Awang Degelas anak Menchok yang kini dikenali sebagai Awang Muhammad Ashim Amrullah bin Abdul Rahman Menchok berserta isteri dan anak-anaknya bergambar kenangan bersama Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

# Masnidah lafaz dua kalimah syahadat

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 4 Jun. - Dayang Masnidah anak Harith, 18 tahun berbangsa Iban memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya apabila melafazkan dua kalimah syahadat sebagai tanda pengakuannya dalam Majlis Pengislaman yang diadakan di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

Dayang Masnidah kini dikenali nama Islamnya sebagai Dayang Mazhdah Intan binti Abdullah Harith dan merupakan anak kepada seorang anggota pasukan Simpanan 'C' Kompeni, iaitu APO 5399 Awang Harith anak Wa.

Majlis Pengislaman yang disempurnakan oleh Bahagian Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah tersebut turut disaksikan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin bin Mohd. Noor dan isteri.

Majlis Pengislaman turut diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai ke atas saudara baru yang didahului oleh Pesuruhjaya Polis dan isteri.

Menurut catatan keramaian saudara baru yang memeluk agama Islam di seluruh negara bermula Januari hingga April 2015 ialah seramai 157 orang manakala catatan bagi keramaian saudara baru di Daerah Brunei dan Muara dari Januari hingga April 2015 ialah 81 orang.



MAJLIS Pengislaman Dayang Masnidah anak Harith yang telah melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengakuan pengislaman di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah, Daerah Brunei dan Muara.

# Seminar CAIBA tingkatkan kefahaman kewangan Islam

**BEIJING.** - BIBD yang ketika ini mempengerusikan Bank China-ASEAN Inter-bank Association (CAIBA), baru-baru ini mengakhiri pembentangan mengenai kewangan Islam kepada pegawai-pegawai kanan dari Ahli-ahli CAIBA serta pegawai-pegawai selia kewangan dari negara-negara Kemboja-Laos-Myanmar-Vietnam (KLMV).

Seminar empat hari mengenai Bangunan Kapasiti China-ASEAN dan Kerjasama Kewangan telah diadakan oleh China Development Bank (CDB) pada 26 hingga 29 Mei 2015. Seminar ini telah dirasmikan oleh Naib Presiden CDB, Encik Yuan Li.

Dalam ucapan pembukaan pembentangan Ketua Institusi Perbankan BIBD selaku wakil Pengerusi CAIB, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan dan Pengarah Urusan, Awang Javed Ahmad berkata, "Perbincangan utama yang meliputi sepanjang seminar tersebut adalah isu-isu yang baru muncul yang dibincangkan pada peringkat global."

Tambah mereka lagi, "Program yang dianjurkan oleh CDB boleh digunakan sebagai *platform* ke arah meningkatkan tahap kerjasama dalam kalangan ahli CAIBA dan juga memberi peluang kepada ahli-ahli CAIBA untuk mengembangkan rangkaian persahabatan dengan pihak berkuasa.

"Usaha kami di sini adalah untuk memberi kesedaran dan meningkatkan kefahaman dan profil mengenai kewangan Islam terutama dalam kalangan negara anggota CAIBA, supaya setiap orang boleh berkongsi manfaatnya," jelas mereka.

Tema utama program ini meliputi lima bidang utama iaitu Ekonomi dan Pembaharuan Kewangan; Pengurusan Risiko dan Pengawasan Kewangan; Sokongan kewangan kepada Ekonomi dan Pembangunan Sosial; Pembangunan Ekonomi Serantau dan Kerjasama Kewangan; dan Amalan Sokongan kewangan kepada Ekonomi & Sosial Pembangunan.

Seminar ini juga merupakan sebahagian daripada cadangan yang ditandatangani oleh anggota CAIBD untuk mewujudkan latihan dan perkongsian pengalaman di bawah rangka kerja CAIBA itu.

Program ini meragkumi gabungan persembahan, bengkel dan sesi perbincangan panel, yang diikuti dengan lawatan kerja ke Taman Perindustrian Suzhou untuk mengalami lebih lanjut mengenai peranan penting dan amalan kewangan pembangunan yang disokong oleh CDB.

Sehari sebelum seminar, BIBD turut menyampaikan taklimat mengenai pengenalan kewangan Islam khusus untuk sekitar 40 pegawai kanan CDB dari ibu pejabat dan wakil-wakil cawangan di seluruh China. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada perjanjian rangka kerja kerjasama dua hala yang ditandatangani di antara BIBD dan CDB pada tahun 2011. Pembentangan telah disampaikan oleh Timbalam Bendahari BIBD, Awang Syed Alwi Alkaff.

Timbalan Ketua Pengarah Kewangan CDB, Yang Xinliang, dalam ucapannya menyentuh mengenai hubungan yang kukuh antara CDB dan BIBD bersama-sama dengan penghargaan CDB kepada BIBD untuk berkongsi pengalaman mereka dalam bidang kewangan Islam.

Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan dalam jawapannya kepada ucapan pembukaan Cik Yang Xinliang mengenai kerjasama dua hala melahirkan penghargaan terhadap persetujuan bersama yang kukuh dengan CDB, "BIBD sangat menghargai kepentingan CDB dalam mendapatkan gambaran yang lebih mengenai kewangan Islam dan berharap bengkel ini akan membawa maklumat tambahan dan bermakna kepada kedua-dua institusi untuk bekerjasama lebih jauh lagi dalam projek-projek pada masa akan datang."

Beliau turut menambah bahawa BIBD terus komited untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam bidang kewangan Islam. Pembentangan diakhiri dengan sesi soal jawab.

# Jualan Amal sambut kedatangan Ramadan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**BENGKURONG,** Jumaat, 5 Jun. - Sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam mengadakan Jualan Amal di perkarangan pusat tersebut di Kampung Bengkurong, di sini.

Jualan amal selama tiga hari yang bermula 5 Jun hingga 7 Jun 2015 itu bertujuan untuk mengumpul dana serta menimbulkan kesedaran awam bagi sama-sama menyokong orang-orang yang berkeperluan khas di pusat berkenaan.

Pelajar-pelajar Pusat Ehsan juga mempunyai gerai atau kafe sendiri, di samping penglibatan para pelajar vokasional yang mempamerkan kemahiran mereka dalam bidang makanan dan minuman iaitu daripada segi amalan penyediaan makanan asas serta tatacara menghidangkan makanan.

Acara amal ini bukan sahaja bertujuan untuk menjana dana organisasi bahkan menonjolkan kebolehan dan pencapaian cemerlang orang kurang upaya ke arah mempraktikkan hidup berdikari.

Sebanyak 40 gerai jualan disediakan yang mengetengahkan pelbagai jenis jualan, di samping dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik.

Pusat tersebut akan terus berusaha dalam memberikan sokongan kepada hak dan keperluan orang-orang kurang upaya.



ANTARA gerai jualan yang menjual pelbagai jenis makanan di pekarangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

# Budaya berdikir untuk realisasikan Negara Zikir

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Jun. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) masing-masing memenangi johan lelaki dan perempuan Pertandingan Akhir Dikir Syarafil Anam antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Kali Ke-9 Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan STPRI, di sini.

Sementara itu, naib johan lelaki dimenangi oleh Ma'had Islam Brunei sementara naib johan perempuan dirangkul oleh Sekolah Ugama Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMP RIPAD).

Manakala tempat ketiga lelaki dan perempuan masing-masing dimenangi oleh Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil kepada para pemenang pertandingan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Terdahulu, Pengetua STPRI, Dayang Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Muhammad dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, tujuan pertandingan ini adalah untuk menggalakkan penuntut-penuntut memperkukuhkan lagi bacaan Dikir Syarafil Anam, di samping untuk memberikan mereka peluang untuk menimba pengalaman dalam pertandingan seperti ini.

Tambahnya, pelbagai anasir-anasir yang kurang sihat boleh mempengaruhi para belia untuk cenderung pada aktiviti-aktiviti yang negatif dan tidak produktif, ditambah lagi dengan munculnya kecanggihan teknologi, anasir-anasir tersebut dengan mudahnya sampai ke tangan para remaja dan anak-anak Brunei.

Akan tetapi ujarnya, aktiviti seperti Pertandingan Dikir Syarafil Anam boleh mengurangkan, bahkan menghentikan pengaruh budaya luar yang kurang disenangi tersebut, di samping mengembangkan anak-anak muda, aktiviti ini juga berjaya menarik dan memupuk minat mereka pada seni dan budaya Islam yang merupakan khazanah sangat berharga.

Sebagai penyambung budaya katanya, generasi muda haruslah berwawasan dan bersifat mandiri untuk mengekalkan khazanah seperti Dikir Syarafil Anam agar tidak pudar dan tidak hilang ditelan zaman.

"Oleh yang demikian, dalam merealisasikan hasrat negara untuk menjadi sebuah Negara Zikir, budaya berdikir ini haruslah dipupuk dan diterapkan selalu agar ia akan sentiasa subur dan berkembang luas di negara ini. Tambahan lagi, dikir-dikir tersebut tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan berselawat kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sendirinya, kita dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita semua," jelasnya lagi.

Sebanyak 35 buah pasukan bagi kategori lelaki dan 34 buah pasukan bagi kategori perempuan telah menyertai di peringkat saringan dan hanya lima buah pasukan bagi setiap kategori lelaki dan perempuan telah mara ke peringkat akhir.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum melalui Unit Rohani dengan kerjasama STPRI antara lain bertujuan untuk mengembang dan menggalakkan penglibatan penuntut-penuntut sekolah menengah dan maktab-maktab di negara ini dalam Dikir Syarafil Anam dengan baik serta memberi pendedahan kepada penuntut-penuntut dalam suasana pertandingan di khalayak ramai.

Selain itu, pertandingan ini juga menggalakkan penuntut-penuntut negara ini untuk mengukuhkan khazanah warisan orang-orang Brunei yang berharga dan seterusnya mempelajari Lagu-lagu Dikir Syarafil Anam ini dengan baik melalui lagu dan irama yang lunak serta merdu, di samping menggalakkan penuntut-penuntut di negara ini selalu berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Dikir Syarafil Anam.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin selaku tetamu kehormat hadir bersama para jemputan khas pada Majlis Pertandingan Akhir Dikir Syarafil Anam antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Ke-9.



ANTARA pasukan lelaki pada Pertandingan Akhir Dikir Syarafil Anam antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Ke-9.

## Majlis tahlil dan doa arwah sekampung



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof yang juga selaku Penasihat MPK Pengkalan Batu memulakan bacaan Surah Al Faatihah di awal majlis.

**Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Duraman**

**MUKIM PENGKALAN BATU,** Khamis, 11 Jun. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Pengkalan Batu dengan kerjasama Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pengkalan Batu, mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung bagi Kampung Pengkalan Batu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Parit di sini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof yang juga selaku Penasihat MPK Pengkalan Batu.

Majlis yang diadakan buat kali ke-18 bagi tahun ini dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, tahlil dan doa arwah yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Saiful Hakimin bin Pengiran Ludin.

Selain mendoakan keluarga dan saudara-mara yang telah kembali ke rahmatullah, majlis seumpamanya juga bertujuan untuk mengeratkan persefahaman dan tali silaturahim dalam kalangan AJK Takmir masjid dan penduduk kampung tersebut.

# Anak yatim terima sumbangan menjelang Ramadan

**Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Durahman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 7 Jun. - Majlis-majlis tahlil dan doa arwah terus diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini bagi sama-sama memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga roh yang telah kembali ke rahmatullah sentiasa dicucuri rahmat.

Antara yang menganjurkan majlis seumpamanya ialah Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah yang berlangsung di masjid berkenaan.

Acara didahului dengan Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim bagi Kampung Kiulap, Kiarong dan Menglait.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian derma kepada 32 anak yatim di kampung berkenaan ialah Pengarah Urusan Syarikat Perniagaan Malar Setia, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Metasim.

Setiap penerima menerima sumbangan sebanyak BND300, di samping menerima sumbangan peribadi daripada penderma perseorangan.

Anak-anak yatim di negara ini sering mendapat perhatian dari pelbagai pihak dari semasa ke semasa khususnya setiap menjelangnya bulan Ramadan.

Majlis diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa arwah serta doa selamat.



PENGARAH Urusan Syarikat Perniagaan Malar Setia, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Metasim semasa hadir pada majlis tersebut.



PENGARAH Urusan Syarikat Perniagaan Malar Setia, Awang Haji Abdul Rahman menyampaikan sumbangan derma kepada anak yatim di salah sebuah kampung yang terpilih.

# JKN beroperasi semula di ruang pejabat asal

**TEMBURONG,** Sabtu, 6 Jun. - Jabatan Kehakiman Negara (JKN) memaklumkan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam di Daerah Temburong bahawa mahkamah-mahkamah Daerah Temburong yang sebelum ini di tempatkan sementara di Kompleks Perniagaan Bumiputera Pekan Bangar, Temburong telah berpindah dan beroperasi semula di ruang pejabat asal di Bangunan Jabatan-Jabtan Kerajaan, Bangar, Daerah Temburong mulai hari Isnin, 18 Mei 2015 yang lalu, iaitu setelah kerja-kerja pemeliharaan serta penaiktarafan ruang pejabat mahkamah berkenaan siap sempurna dilaksanakan.

Sehubungan itu, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam di Daerah Temburong yang ingin berurusan dengan mahkamah-mahkamah Daerah Temburong bolehlah terus ke alamat yang dinyatakan di atas untuk mendapatkan apa jua perkhidmatan mahkamah yang diperlukan.

# Maktab Duli pembentang terbaik

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**

**BELAIT,** Sabtu 6 Jun. - Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Maktab Duli) sebagai pasukan pembangkang telah dianugerahkan sebagai pembentang yang terbaik dalam Pertandingan Akhir Bahas Inggeris Sekolah Antarabangsa Senegara.

Sementara itu, penyampai yang terbaik untuk kedua-dua pusingan awal dan akhir telah direbut oleh Brandon Chin Wei Chun juga dari Maktab Duli.

Pertandingan tersebut diadakan di Dewan Serbaguna di Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait, di sini.

Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (Media dan Kabinet), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Enam buah sekolah telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu bagi Standard Parlimen 2015 Asia di pusingan awal.

Pertandingan diadakan untuk memilih pembahas mewakili negara ke pertandingan serantau dan antarabangsa seperti Musleh Antarabangsa Tahunan dan Debat Dunia Tahunan.

Objektif utama acara ini termasuk menggalakkan kepentingan dalam membahaskan seluruh sekolah di Negara Brunei Darussalam untuk mencapai kecemerlangan dalam berdebat dan kemahiran pengucapan awam, untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris melalui pertukaran pendapat secara lisan.



**SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri (Media dan Kabinet), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos bergambar ramai bersama pemenang Pertandingan Akhir Bahas Inggeris Sekolah Antarabangsa Senegara.**

# Zahirkan rasa kecintaan kepada Rasulullah menerusi selawat



**UCAPAN alu-aluan oleh Pengerusi Kelab Khidmat dan Qasidah Pusat Belia (KHIDMAT), Awang Mohammad Hairollah bin Mustapha.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Jun. - Majlis Selawat Empat Daerah yang diadakan di negara ini adalah untuk menzahirkan rasa kecintaan serta kasih sayang kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah melalui bait-bait syair serta qasidah yang dibacakan sekali gus memberi kesempatan kepada para hadirin untuk menghayati sambil mengenali Rasulullah.

Justeru, Majlis Kemuncak Selawat Empat Daerah sempena Sambutan Isra' Mi'raj Tahun 1436 Hijrah telah diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Majlis yang dianjurkan oleh Kelab Khidmat dan Qasidah Pusat Belia (KHIDMAT), sebuah kelab di bawah naungan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) turut dihadiri oleh kira-kira 100 peserta antaranya terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari JBS, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan KHEU, ahli-ahli persatuan dan kumpulan tausyeh, mahasiswa-mahasisiwi universiti, penuntut-penuntut dari pusat tingkatan enam, maktab serta orang ramai.

Majlis yang membawa tema 'Belia Brunei Berselawat' itu telah dimulakan dengan bacaan Ratib Al-Attas yang dipimpin oleh penuntut dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Mohamad Adi Saufi bin Haji Aminuddin, yang seterusnya memimpin Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Manakala bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Awang Adi Aismat bin Lamat dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Pengerusi KHIDMAT, Awang Mohammad Hairollah bin Mustapha dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada JBS dan Jabatan Kokurikulum atas sokongan yang telah diberikan dalam menjayakan Majlis Selawat Empat Daerah tersebut, di samping merakamkan penghargaan kepada Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di atas bantuan dalam memproses penapisan qasidah sehingga dapat disampaikan kepada hadirin yang hadir.

Majlis Selawat Empat Daerah ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai sehingga mencecah lebih kurang 400 orang secara keseluruhan yang telah diadakan di keempat-empat daerah.

Majlis selawat telah dipimpin oleh Kumpulan Al Mureed dan diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh penceramah undangan dari PDI, Dr. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.



**SEBAHAGIAN para peserta yang menghadiri Majlis Kemuncak Selawat Empat Daerah sempena Sambutan Isra' Mi'raj Tahun 1436 Hijrah yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (atas dan bawah).**





**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan hadiah kepada Johan Pidato Awang Tajjul Hakim bin Haji Masri.**

# Awang Tajjul Hakim johan Pertandingan Pidato

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**

**DAERAH BELAIT,** Sabtu, 30 Mei. - Awang Tajjul Hakim bin Haji Masri dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait muncul johan Pertandingan Pidato bagi sekolah-sekolah menengah, maktab dan vokasional Daerah Belait Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun yang diadakan di Taman Persiaran Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pertandingan disertai oleh lapan pelajar yang mewakili sekolah dan maktab masing-masing terdiri dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria; Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait; Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait; Sekolah Saint James, Kuala Belait; Sekolah Saint John, Kuala Belait; Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait; Sekolah Chung Hua, Kuala Belait dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk membina keyakinan diri dalam kalangan pelajar selain menggalakkan dan memantapkan kemahiran para pelajar menggunakan bahasa Melayu di hadapan khalayak ramai serta memupuk semangat patriotisme yang berdaya saing secara positif.

Pertandingan juga dihasratkan sebagai salah satu platform untuk membiasakan para pelajar menyampaikan mesej secara lisan yang mengandungi idea, menghuraikan dan merumuskan secara berkesan.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan dan bendera negara serta diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun turut diadakan ialah petak-petak pameran dari setiap bahagian, cawangan dan unit di Jabatan Penerangan serta petak-petak pameran produk-produk mukim dan kampung di Daerah Belait.

Manakala pada sebelah petangnya pula diadakan Jerayawara Penerangan yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Perkhidmatan Awam, Jabatan Penerangan yang antara lain menerangkan mengenai misi dan visi serta strategi kerja Jabatan Penerangan dalam penyaluran maklumat seperti media cetak, komunikasi bersemuka dan media baru.

# Pentingnya menunaikan solat



GURU Besar Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Dayang Harifah Khalijah binti Mohammad menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz.

**KAMPUNG SUBOK**, Ahad, 7 Jun. - Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas Kampung Subok telah mengadakan Majlis Sambutan Isra' Mi'raj 1436 Hijrah yang dihadiri oleh Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Harifah Khalijah binti Mohammad bersama guru-guru, tenaga pengajar dan pelajar sekolah berkenaan.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan Asmaul Husna dan diikuti dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Awang Haji Saifullizan bin Haji Abdullah.

Antara tujuan majlis adalah untuk memberi kesedaran tentang pentingnya solat melalui pengajaran daripada Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



GURU Besar, penolong guru besar serta guru dan penuntut mendengar ceramah yang disampaikan oleh Awang Haji Saifullizan bin Haji Abdullah.

## Polis dan pengawasan kejiranan kampung bersihkan kubur

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Jun. - Daerah Polis Brunei Muara melalui Balai Polis Sengkurong dengan Pengawasan Kejiranan Kampung Kulapis telah mengadakan kempen membersihkan Tanah Perkuburan Larikan, Kampung Kulapis.

Hadir membersihkan tanah perkuburan tersebut ialah Ketua Kampung Kulapis, Awang Haji Timur bin Haji Limbang dan seramai 25 ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Kulapis.

Juga hadir Penolong Pegawai Penguasa Balai Polis Sengkurong, Inspektor Abd. Sahrimin bin Abd. Rahman dan 15 anggota Balai Polis Sengkurong.

Daerah Polis Tutong juga mengadakan aktiviti kebajikan yang sama, iaitu di Tanah Perkuburan Kampung Lamunin, Daerah Tutong.

Hadir membersihkan kubur pada hari tersebut ialah Pegawai Pemerintah Daerah Polis Tutong, Penguasa Polis (Superintendent of Police) Haji Chipli bin Haji Mohammad; Penghulu Mukim Lamunin, Awang Haji Tujoh bin Talip; Ketua Kampung Lamunin, Awang Said bin Tinggal dan Ketua Kampung Bukit Sulang, Awang Haji Roslee bin Haji Ahad dan Pegawai Penguasa Balai Polis Lamunin, Inspektor Muhammad Adzimin bin Haji Ibrahim serta anggota Balai Polis Lamunin dan Balai Polis Tutong seramai 20 orang dan ahli pengawasan kejiranan 30 orang.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan di kedua-dua Daerah Polis adalah sebagai salah satu aktiviti kebajikan ahli pengawasan kejiranan, di samping aktiviti pencegahan jenayah di kawasan jagaan masing-masing.

Ia juga adalah sebagai aktiviti sebelum bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi.

## Bergotong-royong bersihkan kubur

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**BELAIT,** Sabtu, 6 Jun. - Seramai 34 orang Anggota Polis Keselamatan Padang Minyak LNG Lumut bersama empat orang Ahli Balai Polis Labi dan dua orang Ahli Unit Perhubungan Awam Polis bersama penduduk Kampung Labi I telah mengungkayahkan aktiviti gotong-royong membersihkan tanah perkuburan Islam di Kampung Tenajur, Mukim labi.

Aktiviti memucang-mucang itu seterusnya diselajurkan dengan Majlis Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Awang Muhammad Nazelley bin Noorashid.

Aktiviti keagamaan seumpama itu sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan, aktiviti gotong-royong ini sangat berperanan sekali untuk kelancaran pembangunan yang berguna bagi kesejahteraan masyarakat.

Kegiatan gotong-royong diketuai oleh Pegawai Penguasa Polis Keselamatan Padang Minyak LNG, Inspektor Haji Kaffli bin Lidus.

Hadir Ketua Kampung Labi merangkap Pemangku Penghulu Mukim Labi, Awang Hanafi bin Mohd. Siput.



ANGGOTA Polis Keselamatan Padang Minyak LNG Lumut bersama penduduk Kampung Labi I membaca tahlil dan doa arwah.

## Pembersihan Bersepadu libatkan 512 peserta

Oleh : Noraisah Muhammed
Foto : Ihsan dari Jabatan Daerah Belait

**KUALA BELAIT,** Sabtu, 6 Jun. - Seramai 512 penuntut sekolah dan guru-guru serta kakitangan melibatkan diri dalam usaha Pembersihan Bersepadu bagi menyahut saranan Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan di Peringkat Kebangsaan.

Kerja Pembersihan Bersepadu diadakan bersempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia yang jatuhnya pada setiap 5 Jun bertujuan untuk meningkatkan tahap kebersihan kawasan-kawasan di Daerah Belait, di dalam mahupun di luar bandar.

Kerja Pembersihan Bersepadu kali kedua ini melibatkan 10 zon dan kawasan, iaitu Zon 1 : Kawasan Jalan Bendahari, Zon 2 : Kawasan-kawasan Jalan Puteri Brunei dan Jalan Maharajalela, Zon 3 : Kawasan Asrama Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Zon 4 : Kawasan Sekolah Menengah Perdana Wazir, Zon 5 : Kawasan Padang Sekolah Menengah Perdana Wazir, Zon 6 : Kawasan MKJB, Zon 7 : Kawasan Padang MKJB, Zon 8, 9 dan 10 : merangkumi Kawasan Perumahan Guru Ugama dan Kawasan Perumahan Kakitangan Jabatan Elektrik.

Aktiviti itu melibatkan beberapa agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung, sekolah-sekolah dan pihak swasta.

Sebelum pembersihan bermula, para peserta telah membuat pendaftaran dan seterusnya mendengarkan taklimat di tiga buah tempat, iaitu di kawasan berdekatan dengan Jalan Bendahari, Kawasan Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Belait dan Dewan Sekolah Rendah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS).



PEGAWAI dan kakitangan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat turut serta dalam usaha Pembersihan Bersepadu.

Sampah-sampah yang dikutip dan dikumpul dilupuskan di Pusat Pelupusan Sampah, Sungai Paku, manakala tayar-tayar terbiar dibuang ke Pusat Pelupusan Sampah, Bukit Udal, Tutong.

Usaha pembersihan itu seterusnya disusuli dengan penyemburan racun nyamuk di zon-zon yang terlibat secara berjadual oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Daerah Belait.

Pembersihan bersepadu ini diharap akan memberi kesedaran kepada masyarakat setempat dan penduduk di Daerah Belait akan pentingnya menjaga kebersihan di kawasan masing-masing dan seterusnya akan dapat membudayakan amalan menjaga kebersihan setiap masa serta menjadikan kawasan alam sekitar di Daerah Belait akan lebih bersih dan indah.

**Kenali Negara Kitani**

# Asal usul Kampung Perpindahan Mata-Mata





KAMPUNG Perpindahan Mata-Mata turut memiliki beberapa kemudahan bagi kegunaan para penduduk di kampung berkenaan, antaranya ialah Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong, Daerah Brunei dan Muara untuk kegunaan umat Islam mengerjakan amal ibadah serta beberapa lagi kemudahan lainnya juga turut tersedia (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto: Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

SEBAGAI usaha berterusan di dalam membantu penduduk kampung dan juga ketua-ketua kampung di negara ini terutama sekali di dalam mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara keduanya, di samping mendengar apa jua masalah yang dihadapi oleh mana-mana kampung di negara ini Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) meneruskan Program Sua Muka atau 'Personal Contact' ke kediaman Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Abd. Rahman.

Dalam pertemuan tersebut, Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata turut meluahkan perasaan berbesar hati beliau di atas keprihatinan jabatan ini membuat dan meneruskan perkara berkebajikan dalam usaha memperkenalkan Kampung Perpindahan Mata-Mata dan sekali gus memberikan penerangan asal usul penduduk yang mendiami kampung tersebut serta aktiviti dan juga beberapa kemudahan yang terdapat di kampung berkenaan.

Asal usul penduduk Perpindahan Mata-Mata berasal dari berbilang kampung ialah Kampung Sumbiling Lama; Kampung Sumbiling Baru; Kampung Baru-Baru; Kampung Pulau Berbunut; Kampung Sungai Kedayan (kebakaran); Kampung Sultan Lama (kebakaran) dan Kampung Bunut (kebakaran).

Menurut Pengiran Haji Mohd. Salleh, penduduk-penduduk yang mula berpindah ke kampung berkenaan pada awal tahun 1983 adalah secara berperingkat-peringkat.

"Keramaian perumahan di Kampung Perpindahan Mata-Mata adalah sebanyak 210 buah dan ini tidak termasuk Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ Mata-Mata) yang mana saya ditugaskan untuk mematai-matai dan membuat pengurusan kebajikan yang bersangkut paut dengan tugas yang diberikan kepada saya," tambahnya.

Keramaian penduduk mengikut Banci Penduduk pada tahun 2011 adalah seramai 2,241 penduduk dan jumlah penerima pencen tua di kampung berkenaan sebanyak 281 termasuk penerima Orang Kurang Upaya (OKU) dan pesakit jiwa serta mereka yang menerima kebajikan sejumlah 105 penerima.

Kemudahan yang terdapat di kampung berkenaan termasuklah Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar. Sekolah ini dibina pada Mac 1990 dengan keluasan tanah 15.037 ekar. Dengan pembinaan sebanyak BND3.8 juta dan siap dibina pada bulan Ogos 1992. Pada 1 September 1992 sekolah ini mula beroperasi dengan nama Sekolah Rendah Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong.

**PENAMAAN**

Pada 23 Julai 1996 bersempena dengan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-50 Tahun, Sekolah Rendah Kampung Perpindahan Mata-Mata telah ditukar nama kepada Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, sempena nama salah seorang guru berbakti, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Md. Daud.

Kemudahan lain termasuk masjid; Klinik Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak (tetapi sekarang sudah berpindah Klinik di Kampung Rimba); Padang Permainan (sekarang belum lagi dapat digunakan) dan jalan-jalan raya yang sudah dinaiktarafkan serta saluran najis yang juga turut dinaiktarafkan dan Kedai Syarikat Koperasi (ahli-ahlinya terdiri daripada anak-anak kampung sendiri).

Dalam pertemuan tersebut, Pengiran. Haji Mohd. Salleh yang dilahirkan di Kampung Sumbiling pada 1 November 1948 dan menjadi Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata pada 11 Julai 2009 hingga kini turut memohon agar kampung berkenaan turut mengadakan aktiviti permainan untuk generasi sekarang seperti permainan tinting, simban, kuit, pasang, congkak dan tarian asli selain dapat aktif dalam membuat pertukangan tangan / kraf tangan sebagai aktiviti sampingan kampung tersebut.

Beliau juga turut mencadangkan supaya nama-nama jalan akan dapat diubah / dibubuh kepada nama-nama kampung asal seperti Jalan Sumbiling Lama, Sumbiling Baru atau Jalan Berbunut dan sebagainya agar generasi baru akan tahu asal usul penduduk yang menduduki kampung berkenaan.

Sebelum menjadi Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata sebelumnya terdapat tiga orang ketua kampung yang mentadbir perpindahan ini, iaitu dari Kampung Sumbiling Baru Ketua Kampungnya Allahyarham Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Ahmad, Kampung Berbunut / Baru-Baru Ketua Kampungnya Allahyarham Awang Haji Hamid bin Rais dan Kampung Sultan Lama Ketua Kampungnya Allahyarham Awang Omar bin Duah. Selepas itu, lantikan secara undi Ketua Kampung Haji Anuar bin Tahir, setelah beliau bersara jawatan ketua kampung dipangku sementara oleh Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Yakub dan Allahyarham Pengiran Haji Abd. Latif bin Pengiran Haji Tajuddin dan Ketua Kampung Tungku, Awang Haji Ismail bin Rejab sehingga tahun 2009.

Selain itu, penduduk kampung ini juga turut mengikuti beberapa aktiviti seperti aktiviti mengutip derma anak-anak yatim, lawatan-lawatan ke luar negeri seperti ke Malaysia, Indonesia, Singapura, China dan baru-baru ini ke Viet Nam.

Dalam kesempatan ini, Pengiran Haji Mohd. Salleh juga turut memohon beberapa kemudahan untuk kampung berkenaan seperti tempat beriadah, gerai jualan hasil usaha anak-anak kampung, pondok polis, pernantian bas untuk anak-anak sekolah serta penduduk kampung, dewan serbaguna, memperbaik padang dan tempat pembuangan sampah khas dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian.






Penempatan tentera Gurkha di Negara Brunei Darussalam

# Cerminkan komitmen kerjasama pertahanan

**Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Jabatan Penerangan**

NEGARA Brunei Darussalam dan United Kingdom telah lama menjalin hubungan dua hala dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pertahanan, yang sememangnya telah terbukti memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Hubungan tersebut dirangka melalui Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama 1979 yang secara rasmi menyokong hubungan keselamatan di antara kedua-dua negara.

Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom juga telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama pertahanan dan ketenteraan.

**KERJASAMA PERTAHANAN**

Dalam bidang pertahanan dan pentadbiran, kerajaan British akan terus membantu untuk meminjamkan kakitangan mengisi jawatan, mentadbir dan juga melatih pasukan-pasukan bersenjata. Kerajaan British juga akan sentiasa bekerjasama untuk membantu Brunei melengkapkan pasukan bersenjata dan pemeliharaan logistik.

Menerusi perjanjian ini juga, kerajaan British bersetuju untuk mengekalkan penempatan tentera Gurkha di Brunei dan menawarkan bantuan bagi latihan ketenteraan dan pegawai-pegawai tentera kepada Brunei.

**PENEMPATAN TENTERA GURKHA DI NBD**

Angkatan Tentera British di Brunei (BFB) yang berpengkalan di Seria adalah di bawah Nota Pertukaran digelar Perjanjian Garison yang diperbaharui pada setiap lima tahun.

The Royal Gurkha Rifles (RGR) merupakan rejimen infantri daripada Brigade of Gurkha mengandungi dua batalion, 1 RGR dan 2 RGR, yang bertugas di dua pangkalan meliputi di Shorncliffe, Kent, United Kingdom dan Negara Brunei Darussalam secara bergilir tiga tahun.

Batalion RGR merupakan unit yang unik dalam tentera dengan reputasi antara kalangan tentera yang terbaik dan paling digeruni di dunia di mana semua tentera Gurkha mendapat latihan di Nepal.

The Royal Gurkha Rifles, pada masa ini, Batalion Pertama The Royal Gurkha Rifles (1RGR) berkhidmat di Negara Brunei Darussalam, merupakan Tentera pakar peperangan hutan dan menjalankan tugas-tugas melibatkan pertahanan di Asia Tenggara.

Sementara itu, Batalion ke-2 The Royal Gurkha Rifles (2RGR) pula berpangkalan di Shorncliffe, Kent di mana tahun lalu mereka menyediakan sokongan bagi bencana banjir di UK dan keselamatan di Sukan Komanwel di Glasgow, dan merupakan Batalion siap sedia di United Kingdom.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB juga telah berkenan berangkat melawat ke Batalion Kedua, The Royal Gurkha Rifles (2RGR) Angkatan Tentera British yang berpangkalan di Tuker Lines pada bulan Jun 2013 bagi Majlis Perpisahan anggota batalion berkenaan yang akan menamatkan perkhidmatan bergilir selama tiga tahun di Negara Brunei Darussalam

Ketika ini, seramai 30 anggota 'British Loan Service' dari tiga perkhidmatan berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Anggota ABDB juga menjalani kursus-kursus di United Kingdom dan para anggota UK pula menjalani latihan bersama-sama ABDB di Negara Brunei Darussalam termasuk menghadiri kursus Maktab Turus Brunei.

**SEJARAH PEMBENTUKAN GURKHA PERTAMA**

Mengimbas kembali, sejarah pembentukan unit Gurkha pertama berlaku pada bulan April 1815 menjelang akhir Perang Nepal yang telah bermula pada tahun 1814; perang disebabkan oleh pertikaian sempadan dan serbuan sempadan ke utara India dari negara jiran di Nepal.

Semasa perang itu, kedua-dua belah pihak mengakui kualiti, kehormatan dan keberanian lawan masing-masing, dan bermula dari sana timbulnya kesalinghormatan di antara keduanya yang berakhir dengan hubungan yang kekal sehingga kini di antara Gurkha dan Britain.

Pada tahun ini, Gurkha mencapai 200 tahun usianya berkhidmat dengan Kerajaan British dan sempena memperingatinya, pelbagai acara besar-besaran sudah dan sedang disusun bagi memeriahkan sambutan tersebut.

Salah satu acara sempena memperingati sambutan tersebut ialah 'The Gurkha Pageant' yang akan berlangsung pada 9 Jun 2015 ini bertempat di Royal Hospital Chelsea, London bagi membantu Tabung Kebajikan Gurkha (Gurkha Welfare Trust).

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth Ke-II serta His Royal Highness Prince Philip, Duke of Edinburgh dan ahli-ahli Kerabat Diraja Inggeris yang lain berangkat menghadiri majlis tersebut.












**IMBAS KEMBALI... Gambar-gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika berangkat melawat ke Batalion Kedua, The Royal Gurkha Rifles (2RGR) Angkatan Tentera British yang berpangkalan di Tuker Lines pada bulan Jun 2013.**

# Bulan Ramadan bulan istimewa

WAHAI kaum muslimin yang dirahmati Allah, marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Masa berlalu begitu pantas, tanpa disedari kita telahpun berada di penghujung bulan Syaaban. Tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah masuk ke bulan Ramadan. Ramadan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan dan mempunyai banyak keistimewaannya. Dalam bulan inilah juga kita diperintahkan melaksanakan ibadah puasa, iaitu ibadah yang telah diwajibkan ke atas setiap umat Islam yang mukallaf.

Sesungguhnya bulan Ramadan adalah bulan yang sangat istimewa kerana segala amal ibadah yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Setiap amalan anak-anak Adam itu dilipat gandakan, satu kebajikan dilipatgandakan dengan sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda. Allah berfirman : Kecuali puasa, sesungguhnya puasa itu untuk kau Akulah yang akan memberi ganjaran pahalanya. Orang yang berpuasa itu telah meninggalkan nafsu syahwat, makan dan minum kerana Aku. Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan, kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika ia menjumpai tuhannya. Dan bau mulut orang yang berpuasa di hadapan Allah lebih harum dari wangian kasturi."*

Ibadah puasa bukan setakat menahan diri dari makan dan minum sahaja, tetapi juga menahan diri dari perkara-perkara yang boleh merosakkan pahala puasa. Imam Al-Ghazali Rahimahullah telah memberikan beberapa garis pandu etika berpuasa bagi mencapai kesempurnaan dalam melaksanakan ibadah puasa.

**Pertama :** Mengawal pandangan mata daripada melihat perkara-perkara yang keji dan mungkar serta dibenci oleh syarak. Ini termasuklah juga memelihara mata dari memandang sesuatu yang sia-sia seperti rancangan hiburan yang melalaikan dan penuh dengan unsur-unsur maksiat yang akan memalingkan hati daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kedua :** Memelihara lidah dari mengeluarkan kata-kata keji seperti berdusta, mengumpat, menghina, bertengkar dan sebagainya. Dalam sebuah hadith daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Puasa itu adalah perisai. Maka janganlah dia (orang yang berpuasa itu) mengeluarkan kata-kata keji dan janganlah dia berbuat perlakuan orang-orang jahil. Dan sekiranya seseorang mengajaknya bertengkar atau memaki hamun dan mencelanya, maka hendaklah dia mengatakan : "Sesungguhnya aku sedang berpuasa."*

Dari hadith tersebut jelas menunjukkan betapa Rasulullah melarang umatnya dari berkata keji. Larangan tersebut termasuklah juga pada waktu-waktu yang lain, dan tegahan tersebut lebih diberatkan lagi ketika orang itu sedang berpuasa. Oleh itu peliharalah lidah dari berkata keji, sebaliknya manfaatkanlah lidah itu untuk merebut pahala di bulan Ramadan seperti memperbanyakkan zikir, dan membaca Al-Qur'an.

**Ketiga :** Menahan telinga daripada mendengar sesuatu yang dibenci dan ditegah oleh syarak seperti mendengar umpatan, kata-kata keji, bentuk-bentuk hiburan yang melalaikan dan sebagainya.

**Keempat :** Menahan anggota yang lain daripada membuat dosa, seperti mengawal tangan dan kaki daripada melakukan perkara yang ditegah, menahan perut daripada makan makanan dan minuman yang subhah apatah lagi yang haram terutamanya ketika berbuka puasa dan bersahur.

**Kelima :** Tidak memperbanyakkan makan sehingga terlalu kenyang terutama ketika berbuka puasa.

Dalam memperkatakan tentang waktu berbuka puasa, ia adalah sangat yang ditunggu-tunggu dan menggembirakan bagi orang-orang yang sedang berpuasa, iaitu setelah hampir sehari menahan diri dari makan dan minum serta menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa. Salah satu tren yang disukai masa kini ialah bersungkai di luar seperti di kedai-kedai makan atau di restoran-restoran, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan ini nanti terdapat banyak promosi-promosi sungkai yang telah diiklankan dengan tawaran harga yang sangat menarik hati. Apa yang perlu diambil berat ketika bersungkai di luar ialah :

**Pertama :** Mendirikan sembahyang fardhu pada waktunya.

Sembahyang fardhu wajib ditunaikan pada waktunya dan meninggalkan secara senghaja atau melalai-lalaikannya sehingga luput waktunya, hukumnya adalah berdosa. Oleh itu, berhati-hatilah ketika menjamu selera sewaktu bersungkai, jangan terlalu asyik makan hingga waktu sembahyang Maghrib terlepas. Maka bagi mengelak terlepas waktu sembahyang, adalah lebih baik mendahulukan berbuka puasa dengan makanan yang ringan seperti kurma atau air atau yang seumpamanya dan kemudian melaksanakan sembahyang fardhu Maghrib terlebih dahulu. Bagi para peniaga pula, eloklah agar mereka menyediakan bilik atau ruang khas bagi memudahkan para pelanggan untuk menunaikan sembahyang tepat pada waktunya.

**Kedua :** Melaksanakan sembahyang sunat Tarawih.

Sembahyang sunat tarawih ialah sembahyang sunat yang sangat dituntut (mu'akkadah). Mengerjakannya pula sama ada secara berseorangan ataupun secara berjemaah. Sembahyang ini sangat istimewa kerana ia hanya dapat dilakukan pada malam-malam di bulan Ramadan sahaja. Oleh itu, dalam kesempatan berada di bulan Ramadan ini, tanamkanlah azam untuk menjadikan masjid sebagai tempat ibadah di sepanjang bulan Ramadan ini seperti melaksanakan sembahyang sunat Tarawih, membaca Al-Qur'an, beriktikaf dan sebagainya. Alangkah berserinya masjid apabila ramai para jemaah hadir beramai-ramai ke masjid untuk beribadat termasuklah mendirikan sembahyang sunat Tarawih secara berjemaah. Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Barangsiapa yang mendirikan sembahyang malam di bulan Ramadan dengan keimanan dan mengharapkan keredhaan-Nya, nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu."*

Menurut Imam An-Nawawi Rahimahullah bahawa yang dimaksudkan mendirikan sembahyang di bulan Ramadan itu ialah melakukan sembahyang sunat Tarawih. Oleh itu, rebutlah peluang untuk melaksanakan ibadah tersebut, dan hendaklah istiqamah melakukan dari awal bulan hingga ke penghujung Ramadan. Semoga dengan demikian, kita akan mendapat ganjaran pengampunan sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.




Alhamdulillah, terdapat sebilangan keluarga yang bersungkai di luar mengambil kesempatan untuk membawa ahli keluarga ke masjid bagi menunaikan sembahyang secara berjemaah dan seterusnya mengerjakan sembahyang sunat Tarawih. Inilah contoh yang baik untuk diikuti.

**Ketiga :** Menjauhkan perkara makruh, iaitu makan banyak hingga terlalu kenyang dan mengelakkan pembaziran dalam penyediaan makanan.

Pada kebiasaannya apabila sudah terlalu lapar, seseorang mudah terdorong untuk makan banyak hingga terlalu kenyang. Oleh itu kawallah minda dan nafsu ketika makan, dan elakkan dari makan terlalu banyak kerana ia boleh mendorong seseorang itu merasa malas dan sukar untuk beribadat termasuklah sembahyang fardhu dan sembahyang sunat Tarawih.

Manakala dalam penyediaan makanan pula sama ada di rumah atau di luar, hendaklah juga secara sederhana agar dapat mengelakkan pembaziran. Ini termasuklah juga perbuatan mengambil makanan yang banyak ke dalam pinggan ketika bersungkai di mana kadang kala makanan yang diambil itu tidak habis dimakan. Bukankah perbuatan tersebut juga adalah membazir.

Sudah menjadi kebiasaan ibu bapa mengajak anak-anak untuk berpuasa sebagai latihan kepada mereka. Apa yang penting kita hendaklah mendidik mereka dalam melaksanakan ibadat puasa ini dengan menjelaskan kepada mereka tentang kelebihan, ganjaran dan keberkatan berpuasa, dan ajaklah mereka berpuasa dengna cara lemah lembut dan berhemah. Selain itu ibu bapa hendaklah mengajar anak-anak bersahur dan raikan mereka ketika berbuka dengan penyediaan makanan yang digemari dan menyihatkan. Semoga dengan didikan tersebut akan dapat melatih anak-anak untuk berpuasa dengan ikhlas dan bukannya kerana terpaksa.

Akhirnya, marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk dapat bertemu dengan bulan Ramadan dan dapat melaksanakan ibadat puasa itu nanti dengan sempurna mengikut adab-adabnya. Semoga dengan demikian kita akan dapat lebih menghayati roh dan makna ibadah puasa yang sebenar. Sebelum masuk bulan Ramadan ini nanti, bagi yang belum mengqadha puasa, rebutlah peluang yang masih ada ini untuk menqadhanya. Begitu juga dengan fidiyah yang belum dilunaskan, maka bayarlah dengan segera sementara kesempatan masih ada.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga ibadah puasa dan segala amal yang dilakukan kelak diterima dan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin ya rabbal alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Baqarah ayat: 183 :

**Tafsirnya :** *"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa".*

## وقت سمبهيڠ داءيره بروني موارا دان تمبوروڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى

وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى باڬي داءيره بروني موارا دري هاري سبتو 13 جون 2015 برساماءن دڠن 26 شعبان 1436 هيڠڬ كهاري جمعة 19 جون 2015 برساماءن 2 رمضان 1436 اداله سڤرتي دباوه اين:

| مسيحي جون | هاري | هجريه شعبان | امساك | صبح | شوروق | ضحى | ظهر | عصر | مغرب | عشاء |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | سبتو | 26 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 08 | 6 . 33 | 12 . 22 | 3 . 48 | 6 . 33 | 7 . 49 |
| 14 | احد | 27 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 08 | 6 . 33 | 12 . 22 | 3 . 48 | 6 . 33 | 7 . 49 |
| 15 | اثنين | 28 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 08 | 6 . 33 | 12 . 22 | 3 . 48 | 6 . 33 | 7 . 49 |
| 16 | ثلاث | 29 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 08 | 6 . 33 | 12 . 22 | 3 . 48 | 6 . 33 | 7 . 49 |
| 17 | رابو | 30 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 08 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |
| 18 | خميس | 1 رمضان | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 09 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |
| 19 | جمعة | 2 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 09 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |

وقت٢ سمبهيڠ باڬي داءيره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان داءيره بلاءيت دتمبه تيڬ مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاءي دري ڤوكول 12.45 تڠه هاري

# Sambutan Perkhidmatan Tentera Gurkha kepada Kerajaan Inggeris Ke-200 Tahun

THE GURKHAS 200 YEARS OF SERVICE TO THE CROWN 1815–2015

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari London, United Kingdom



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland bagi sesi beramah mesra.

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Selasa, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Perkhidmatan Tentera Gurkha kepada Kerajaan Inggeris Ke-200 Tahun dan Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh His Royal Highness Prince Charles, Prince of Wales.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Royal Hospital Chelsea dijunjung oleh Gabenor Royal Hospital Chelsea, Jeneral Sir Redmond Watt, dan seterusnya disembahkenalkan kepada Pengerusi Gurkha Welfare Trust, Jeneral Sir Peter Wall, selaku Penyelenggara Majlis Sambutan Perkhidmatan Tentera Gurkha Ke-200 Tahun serta isteri.

Kebawah DYMM kemudiannya dijunjung berangkat ke Council Chamber dan disembahkenalkan kepada Jeneral Lord David Richards of Herstmonceux, pengiring baginda sepanjang acara tersebut.

Sejurus itu, Kebawah DYMM berkenan berangkat beredar bagi perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland; dan His Royal Highness Prince Philip, Duke of Edinburgh serta kerabat diraja Inggeris yang lain sebelum dijunjung berangkat bagi sesi beramah mesra bersama tetamu-tetamu khas yang terdiri daripada orang-orang kenamaan, ahli-ahli korporat, para diplomat asing serta pegawai-pegawai kanan tentera Gurkha yang hadir pada majlis tersebut.

Baginda juga berkenan menyaksikan pameran yang antaranya mempamerkan cenderamata yang dihadiahkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien kepada Jeneral Sir Walter Walker di atas jasa-jasanya semasa berkhidmat di Borneo pada tahun 1960-an.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan beredar bersama-sama kerabat diraja Inggeris dan tetamu-tetamu khas yang lain ke lapangan Figure Court untuk menyaksikan Upacara 'Pageant Gurkha 200' sempena memperingati Perkhidmatan Tentera Gurkha kepada Kerajaan Inggeris Ke-200 Tahun.

Lebih 1,000 orang jemputan khas termasuk penyumbang dana Gurkha Welfare Trust menghadiri acara berkenaan.

Acara persembahan padang bermula dengan semboyan *fanfare* dibunyikan diikuti dengan Lagu Kebangsaan United Kingdom dan bertafakur bagi memperingati mangsa-mangsa gempa bumi Nepal baru-baru ini.

Persembahan seterusnya memaparkan perkhidmatan tentera Gurkha selama tempoh 200 tahun yang lalu bermula dengan tahun-tahun awal semasa pihak British di India hinggalah semasa konflik di Afghanistan serta kisah mengenai keberanian askar-askar Gurkha dalam pertempuran juga telah diceritakan melalui persembahan lakonan semula dalam acara persembahan padang tersebut.

Acara turut diselitkan dengan tarian-tarian tradisional Nepal yang dipersembahkan oleh ahli-ahli keluarga tentera Gurkha termasuk persembahan-persembahan padang diiringi dengan persembahan muzik daripada Pancaragam Briged Tentera Gurkha.

Di akhir acara, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Figure Court bersama-sama Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen of the United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland; His Royal Highness Duke of Edinburgh serta kerabat diraja Inggeris yang lain.

Sejurus selepas acara Pageant tersebut, Kebawah DYMM berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh His Royal Highness Prince Charles, Prince of Wales yang juga selaku Penaung Gurkha Welfare Trust.

Keberangkatan Kebawah DYMM ke Majlis Santap Malam yang berlangsung di Great Hall, Royal Hospital Chelsea itu diiringi oleh His Royal Highness Prince Charles, Prince of Wales.

5. Yuran sebanyak **BND30.00** bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti pendaftaran perniagaan, lesen rampaian, kad pengenalan / pasport dan daftar pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.

8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai hari **Rabu, 19 Mei 2015.**

9. Sesi taklimat tawaran *(briefing)* dan lawatan tempat *(site visit)* bagi tawaran JPi/3/2015 adalah dimestikan dan akan diadakan seperti berikut :

**Pada : 27 Mei 2015 (Hari Rabu)**
**Jam : 9.00 Pagi**
**Tempat : Seafood Industry Development Division Department of Fisheries Muara**
**Negara Brunei Darussalam.**

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS II & III DI BAWAH KATEGORI P06 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 23 JUN 2015 (SELASA)**
**TARIKH TUTUP PADA : 7 JULAI 2015 (SELASA) HINGGA JAM 2.00 PETANG**

**BIL : JKR/DOD/8/2015**
**KOMPLEKS BANGUNAN BARU IBU PEJABAT POLIS GADONG - LOOSE FURNITURE FOR OFFICE STORAGE SYSTEM (RE-TENDER)**
**NO PROJEK : JKR/DOD/BPP/VOTE: 930-11**
**JUMLAH YURAN TAWARAN : BND50.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**IKLAN TAWARAN**
**KETERANGAN DAN BANYAK**

**20 UNIT PERALATAN KOMPUTER BAHAGIAN PENTADBIRAN IBU PEJABAT BOMBA DAN PENYELAMAT**
***TENDER FEE* : BND5.00**

**KETERANGAN TAWARAN**

a. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA JUALAN LELONG SEBUT HARGA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB 3510 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

b. Tawaran adalah dibukakan kepada orang ramai yang berminat untuk membuat tawaran.

c. Pembayaran sebanyak **BND5.00 setiap borang tawaran** dan tidak akan dikembalikan boleh didapati dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah (Ground Floor), Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

d. Tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan nama atau logo syarikat / perkhidmatan dan masukkan ke dalam peti tawaran yang berada di ruang legar (*lobby*), Tingkat Bawah Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat dan sampul surat ditulis seperti berikut :

**PENGERUSI TAWARAN SEBUT HARGA JUALAN LELONG TERTUTUP TINGKAT BAWAH IBU PEJABAT BOMBA DAN PENYELAMAT LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB 3510 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

e. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Jualan Lelong Sebut Harga Jabatan Bomba dan Penyelamat tidak lewat 20 Jun 2015 (Sabtu) jam 2.00 Petang**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

f. Borang-borang tersebut boleh dilihat bertempat : Bahagian Stor, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat semasa waktu bertugas.

g. Syarat-syarat tawaran jualan lelong bagi pembeli yang berjaya adalah seperti berikut :

- Pembeli yang berjaya adalah dikehendaki membayar secara wang tunai dalam masa tujuh (7) hari (tidak termasuk hari kelepasan awam) dan memindahkan kenderaan yang dibeli tidak lewat dari tiga (3) hari dari tarikh menerima surat makluman.
- Barang-barang yang dibeli, tetapi tidak dipindahkan dari kawasan pelelongan akan dirampas balik dan wang tidak dikembalikan.


BTP
BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/ PERNIAGAAN 2015
LIPUTAN
BTP 2015 meliputi semua syarikat perusahaan/ perniagaan yang aktif beroperasi, samada :
• Perusahaan milik sendiri
• Perkongsian
• Syarikat awam berhad
• Syarikat sendiri berhad
• Cawangan syarikat luar negeri
• Koperasi
• dan lain-lain pertubuhan
OBJEKTIF
Untuk mengumpul maklumat terkini mengenai :
• Saiz dan struktur perusahaan/perniagaan.
• Ciri-ciri aktiviti ekonomi syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan sektor swasta.
• Terutama sekali mengenai perusahaan mikro, kecil dan sederhana.
MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN
• Bilangan pekerja.
• Pendapatan dan perbelanjaan perusahaan/ perniagaan bagi tahun rujukan 2014.
KEGUNAAN
Hasil dari BTP 2015 akan dapat memberikan :
• Maklumat yang kerap dan terkini mengenai profil syarikat perusahaan/perniagaan.
• Maklumati mengenai sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan ekonomi negara.
• Membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar berkaitan perkembangan sektor swasta.
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
JADUAL PERLAKSANAAN
Tempoh Banci Tahunan Perusahaan/ Perniagaan (BTP) 2015 adalah :
15 MEI - 15 JUN 2015
Borangtanya akan diedarkan kepada semua syarikat dan perniagaan melalui pos bermula dari :
2 - 14 MEI 2015
Borangtanya BTP 2015 boleh juga dimuat turun dari laman web JPKE :
www.depd.gov.bn
Tarikh tutup untuk mengembalikan borangtanya yang lengkap kepada JPKE adalah sebelum :
16 JUN 2015
melalui pos, faks, e-mel atau dihantar terus ke JPKE
PERTANYAAN
| TELEFON |
2230251
2233344 EXT 421, 422, 431
436, 437, 439
| E-MEL |
info.statistics@jpke.gov.bn
KERJASAMA AWDA DIPERLUKAN UNTUK KEJAYAAN BANCI INI

GEMS
INTELLIGENT. INTERACTIVE. INNOVATIVE

# KENALI GEMS :
# Tatacara Memuatturun Aplikasi GEMS Mobile

**Pertama :**
Cari dan buka App Store / Play Store

**Kedua :**
Tekan 'Search'

**Ketiga :**
Taip dan cari "GEMS Mobile"

**Keempat :**
Tekan "*GET*"/ "*INSTALL*" untuk memulakan muatturun

## Bagi Pengguna iOS:

App Store

Search







## Bagi Pengguna Android:

Play Store







**Selamat Mencuba !!!**

*GEMS Memudahkan Pengurusan*

Bagi sebarang maklumat lanjut, sila hubungi : Bahagian GEMS, Jabatan Perkhidmatan Awam,
Emel : gems.admin@psd.gov.bn atau Talian : +673 2382469 ext 455 / 312

# 4,000 sertai larian amal 'Run with Colours'



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyertai larian amal 'Run with Colours' anjuran Majlis Belia Brunei (MBB).

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Ahad, 7 Jun. - Kira-kira 4,000 peserta menyertai larian amal 'Run with Colours' anjuran Majlis Belia Brunei (MBB) bagi mengumpul dana MBB dan Persatuan bagi Pengurusan Autisme Isu Berkaitan Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER Brunei) yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis menyempurnakan perasmian acara berkenaan ialah Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Larian yang konsepkan penuh warna-warni didahului oleh para peserta mengenakan baju berwarna putih, kemudian mereka akan disimbahi dengan serbuk warna di sepanjang laluan yang ditetapkan dan berakhir dengan diseliputi warna.

Idea ini asalnya diambil daripada 'Color Run' yang diadakan di Amerika Syarikat yang lebih dikenali sebagai 'Happiest 5K on the planet'.

Tujuan utama larian ini bukan sahaja untuk mengumpul dana tetapi juga bagi melahirkan rasa murah hati para peserta yang mengambil bahagian dan untuk merasakan kegembiraan serta menikmati keharmonian dengan cara hidup yang sihat dengan menyebarkan warna.

Sebanyak dua kategori larian diadakan iaitu Kategori 3 Kilometer yang juga turut disertai oleh tetamu kehormat majlis, dan Kategori Laluan 5 Kilometer.

MBB telah ditubuhkan pada tahun 1964 merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan terdiri daripada para sukarelawan belia Brunei yang bertujuan untuk menyelia pembangunan belia di Negara Brunei Darussalam dengan matlamat utamanya adalah untuk menyediakan belia negara dengan platform untuk menggalakkan pembangunan ekonomi, sosiobudaya, fizikal, mental dan rohani.

Pada masa ini, terdapat 40 belia dan persatuan kebajikan yang bergabung dengan MBB membawa bersama sejumlah kira-kira 15,000 belia.

Manakala SMARTER Brunei telah ditubuhkan oleh Pengasas dan Presiden sekarang, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman pada 9 September 2001 sebagai sebuah NGO yang menyediakan sokongan untuk mereka yang menghidap Gangguan Spektrum Autistik (ASD) di Brunei.

Dengan mengguna pakai nilai-nilai teras Melayu Islam Beraja (MIB) dan konsep budaya berkeluarga, persatuan bertujuan untuk memberikan bantuan kepada individu autisme dari zaman kanak-kanak kepada usia tua melalui Didik, Membangun, Mengembangkan dan Memperkasakan (Educate, Develop, Grow, Empower-EDGE) atau untuk membolehkan mereka menjadi anggota bebas dan masyarakat yang produktif.

Sehingga kini, SMARTER Brunei mempunyai tiga pusat intervensi, peringkat awal dan pendidikan berterusan dengan sejumlah 80 keluarga yang berumur di antara 13 hingga 33 tahun pelajar SMARTER.



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, merasmikan larian 'Run with Colours'.

# STKRJ juara Bola Sepak 7 Orang Sepasukan

**Oleh :**
**Abu Bakar Haji Abdul Rahman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Jun. - Pasukan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Rimba, Gadong muncul juara Bola Sepak 7 Orang Sepasukan Pengawasan Kejiranan 2015 selepas menumpaskan pasukan Kampung Bengkurong 'B' dengan jaringan 1 - 0 dalam perlawanan yang diadakan di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Gol kemenangan dijaringkan oleh Awangku Asri bin Pengiran Azahari selepas berhasil manfaatkan ruang di depan gol lawan dari perebutan bola.

Kejohanan sehari ini merupakan salah satu program tahunan Pengawasan Kejiranan Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan dengan disertai oleh 10 buah pasukan terdiri Kampung Bengkurong 'A', Kampung Bengkurong 'B', Kampung Rimba Gadong, Kampung Tasek Meradun, Kampung Tungku Gadong, Kampung Katok 'A', Kampung Katok 'B', STKRJ Rimba Gadong, Balai Polis Pusat 'A' dan Balai Polis Pusat 'B'.

Hadir menyaksikan perlawanan akhir dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin bin Mohd. Noor.

Kejohanan yang dianjurkan ini adalah bagi membentuk kesedaran diri para anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan ahli Pengawasan Kejiranan supaya sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat dan cergas serta dapat menjalinkan semangat perpaduan dan kerjasama di kalangan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti sukan.

Kejohanan dibukakan kepada remaja-remaja yang mana mereka ini adalah *future leader* dalam penerus inisaitif pasukan dalam memastikan tanggungjawab keselamatan persekitaran adalah tanggungjawab bersama.

Dengan memupuk semangat dalam menjaga keamanan kampung dalam kalangan warga remaja maka Pengawasan Kejiranan diharap akan lebih mantap lagi pada masa akan datang.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin bin Mohd. Noor ketika menyampaikan piala pusingan kepada wakil Pasukan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Rimba, Gadong selepas menjuarai Kejohanan Bolasepak 7 Orang Sepasukan.

# Warga Kementerian Kesihatan sertai walkaton PENJURU



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni merasmikan Walkaton sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2015.

**Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Jun. - Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) mengadakan walkaton Sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2015 yang bermula di kawasan letak kereta Pusat Promosi Kesihatan, Jalan Commonwealth Drive, di sini.

Turut sama pada walkaton tersebut ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

Walkaton dimulakan dengan senaman pemanas badan dan diikuti dengan berjalan kaki sejauh 3.5 kilometer bagi peserta lelaki manakala peserta perempuan berjalan sejauh 2km.

Matlamat walkaton diadakan adalah bagi membudayakan sikap perpaduan dalam kalangan masyarakat serta mendedahkan aktiviti sihat kepada orang ramai supaya lebih peka dengan penjagaan kesihatan dan mengamalkan cara hidup yang sihat.

Aktiviti ini juga adalah bagi menyahut misi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Juga menyertai walkaton tersebut ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan berserta pegawai-pegawai kejururawatan dan keluarga mereka.



WALKATON dimulakan dengan senaman pemanas badan sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2015 anjuran PENJURU dimulakan dengan senaman pemanas badan.

# Hari Keluarga Kampung Kiarong meriah

Oleh : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**GADONG,** Jumaat, 5 Jun. - Persatuan Ibu bapa dan Guru Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong bersama Majlis Perundingan Kampung dan Persatuan Belia Kampung Kiarong menganjurkan Sambutan Hari Keluarga Kampung Kiarong.

Ia diadakan di Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong, di sini.

Acara dua hari itu mengendalikan pelbagai aktiviti seperti perlawanan futsal, bouncer, petak jualan dari Majlis Perundingan Kampung Kiarong, peraduan fotografi dan Dr. K's Family Amazing Subject Race.

Dr. K's Family Amazing Subject Race disertai oleh ibu bapa atau penjaga dan murid Tahun 1, 2 dan 3 sahaja. Ia bertujuan bagi menguji kecergasan fizikal dan mental satu keluarga ibu bapa dan anak-anak dalam situasi mengharungi cabaran Perlumbaan Mata Pelajaran.

Antara objektif acara diadakan bagi mengeratkan silaturahim di antara warga sekolah, iaitu ibu bapa atau penjaga dan guru-guru sekolah berkenaan serta penduduk kampung sekitarnya.

Acara tahunan itu akan diteruskan pada hari Ahad ini dengan senamrobik bersama Persatuan Belia Kampung Kiarong diikuti dengan aktiviti perlawanan bola jaring di antara Majlis Perundingan Kampung Kiarong dan Persatuan Ibu bapa dan Guru-guru serta beberapa aktiviti lain.



PERLAWANAN Futsal turut memeriahkan lagi Sambutan Hari Keluarga anjuran PIBG Sekolah Rendah (SR) Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar.



PELBAGAI aktiviti sampingan seperti gerai-gerai jualan turut diadakan bagi memeriahkan Sambutan Hari Keluarga anjuran PIBG SR Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar.

# Hidupkan semula kegemilangan lumba perahu



PENGARAH Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar, memberi penerangan kepada peserta bengkel.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**MUARA,** Sabtu, 6 Jun. - Seramai 31 pelajar dan 21 guru menyertai Bengkel Lumba Perahu di antara Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan Institusi Pendidikan Tinggi kali Pertama yang diadakan di Kompleks Sukan Air Serasa, di sini.

Bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum dengan kerjasama Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Brunei Darussalam (PERKEBAR) tersebut antara lain bertujuan untuk mendedahkan sukan tradisi kepada pelajar-pelajar sekolah di negara ini selain memupuk minat dan semangat serta menghidupkan semula kegemilangan lumba perahu dalam kalangan generasi muda agar tidak pupus.

Juga hadir pada bengkel tersebut ialah Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar.

Pengiran Suhaimi pada bengkel tersebut turut menyampaikan kata-kata semangat dan perangsang selain memberikan sedikit teknik dan tunjuk cara terutama dalam pemegangan pengayuh.

Bengkel dibimbing oleh Jurulatih Kebangsaan Lumba Perahu Brunei Darussalam, Drs. Haji Syahid Nuryasin.

Dengan adanya bengkel seumpama ini diharap dapat merealisasikan Pengendalian Kejohanan Lumba Perahu Tradisional di antara Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan Institusi Pendidikan Tinggi kali Pertama 2015.

# Beramal melalui walkaton





WALKATON amal anjuran MPK Belais dan Buda-Buda dimulakan dengan sesi senaman ringan bagi memanaskan badan di kawasan Masjid Kampung Belais.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : IHSAN Jabatan Daerah Temburong

**TEMBURONG,** Jumaat, 5 Jun. - Beramal sememangnya dituntut dalam Islam dan terdapat pelbagai saluran untuk beramal antaranya dengan mengadakan walkaton amal sebagaimana yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung Belais dan Buda-Buda.

Bermula di kawasan Masjid Kampung Belais di sini, Walkaton Amal bagi mengutip derma Tabung Anak Yatim Daerah Temburong itu dengan didahului oleh sesi senaman ringan bagi memanaskan badan dan seterusnya berjalan kaki di sekitar Kampung Belais dan Buda-Buda.

Walkaton Amal sambil beriadah itu disertai oleh para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) serta para penduduk kampung sekitarnya.

Aktiviti tersebut merupakan salah satu wadah untuk menyalurkan bantuan kepada anak-anak yatim di daerah ini, di samping mengajak para penduduk dan orang ramai supaya mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Di samping itu, ia juga diharap dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli-ahli dan jawatankuasa sekali gus dapat meningkatkan penglibatan aktiviti MPMK.



WALKATON amal seperti ini merupakan salah satu wadah untuk menyalurkan bantuan kepada anak-anak yatim di Daerah Temburong.

# PBDBM bincang kegiatan bola sepak

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 5 Jun. - Pertubuhan Bolasepak Daerah Brunei Muara (PBDBM) telah mengadakan Mesyuarat Pertamanya bagi Sesi 2015-2018 di Restoran Stadium Negara semalam.

Hadir Yang DiPertua PBDBM, Awang Haji Juned bin Ramli; Naib Yang DiPertua I, Awang Haji Mohd. Noor bin Haji Hamid; Setiausaha Agung Awang, Awang Haji Abd. Razak bin Haji Ibrahim; Bendahari Agung, Awang Haji Asmali bin Haji Mohamad; Setiausaha Perlawanan, Awang Mohammad. Isa bin Haji Marsidi; Timbalan Setiausaha Agung, Abang Haji Nor Hadzmy bin Abang Haji Taha, Awang Haji Mesli bin Haji Dollah, Awang Mohd. Adiwan bin Sabtu dan Awang Haji Maswadi bin Haji Ismail.

Menurut makluman dari PBDBM, pada mesyuarat tersebut, ahli jawatankuasa telah membincangkan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan mulai bulan Ogos hingga Disember tahun ini.

Aktiviti-aktiviti PBDBM ialah Kejohanan Liga Bola Sepak NBT, FA Cup NBT, karnival bawah 12 tahun sementara PBDBM juga akan mengadakan majlis membaca doa kesyukuran seterusnya bertahlil dan diselanjurkan dengan Penyampaian Sijil Lantikan Ahli Jawatankuasa.

Majlis itu akan diadakan pada hari Ahad, 21 Jun, jam 5 petang di rumah Setiausaha Agung PBDBM di Kampung Sungai Akar.



SEBAHAGIAN dari pegawai PBDBM ketika bermesyuarat.

# Atlet Wushu bawa pulang dua pingat gangsa



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin memasangkan sesandang kepada pemenang pingat gangsa acara Wushu.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Hj Mohiddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 9 Jun. - Kepulangan kontinjen Negara Brunei Darussalam yang bertanding dalam sukan Wushu di Sukan SEA Ke-28 di Singapura tersebut telah selamat pulang ke tanah air malam tadi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Seramai tujuh orang tediri daripada para pegawai dan atlet sukan Wushu menyertai kontinjen negara.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan kontinjen ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud dan Pegawai-Pegawai Kanan KKBS dan Jabatan Belia dan Sukan.

Setiausaha Tetap KKBS telah berkesudian untuk memasangkan sesandang dan seterusnya memberikan ucapan tahniah kepada para pegawai dan atlet sukan Wushu.

Atlet sukan Wushu negara telah berjaya membawa pulang dua pingat gangsa melalui Kategori Duilian Lelaki dan Wanita.

Gandingan adik-beradik, iaitu Awang Mohammad Sufi Shayiran bin Roslan dan Awang Mohammad Adi Sya'Rani bin Roslan berjaya mengutip 9.68 mata dalam acara Duilian Lelaki.

Manakala gandingan Dayang Faustina Woo Wai Sii dan Dayang Lee Ying Shi, pemenang pingat emas acara Duilian Wanita pada Sukan SEA Ke-27 di Nay Pyi Taw, Myanmar dua tahun lalu, hanya berjaya memperolehi 9.64 mata dalam acara yang sama pada Sukan SEA kali ini.

Wakil PELITA BRUNEI juga sempat menemu bual mereka berdua dan bertanyakan prestasi serta persembahan mereka di acara tersebut.

"Kami yakin kami boleh menang, tetapi nasib tidak menyebelahi kami memandangkan pasangan saya, Lee Ying Shi cedera dan tidak dapat melakukan beberapa aksi yang boleh menambah mata kami," jelas Dayang Faustina Woo Wai Sii.

Walau bagaimanapun, kata Dayang Lee Ying Shi, kami akan terus berusaha selepas ini untuk melakukan yang terbaik bagi merampas semula pingat emas seperti yang kami perolehi dulu di Sukan SEA yang akan datang.

Bagi gandingan dua beradik, iaitu Awang Mohammad Sufi Shayiran dan Awang Mohammad Adi Sya'Rani pula melahirkan rasa syukur kerana berjaya memperolehi pingat gangsa kerana ini membuktikan usaha mereka selama ini berbaloi setelah berlatih bersungguh-sungguh.

"Pada Sukan SEA yang lalu kami hanya pulang dengan tangan kosong, tetapi kali ini walaupun hanya mampu meraih gangsa, kami merasa bersyukur dan gembira kerana sekurang-kurangnya kami pulang bukan membawa tangan kosong," ujar Awang Mohammad Sufi Shayiran.

InsyaaAllah, tambah Awang Mohammad Adi Sya'Rani, kami akan terus berlatih dengan gigih selepas ini untuk berusaha meraih pingat emas dalam apa jua acara sukan yang datang.




SETIAUSAHA Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bergambar ramai bersama atlet Wushu.

## Md. Fakhri melangkah ke peringkat akhir

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah dari Republik Singapura

**REPUBLIK SINGAPURA**, Selasa, 9 Jun. - Pelari pecut negara, Md. Fakhri bin Ismail berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir dalam acara 100 Meter di Sukan SEA Ke-28, Singapura 2015, di Trek dan Balapan, Stadium Negara, di sini.

Pada perlumbaan peringkat akhir tersebut Md. Fakhri hanya mampu mencatatkan masa 10.67 saat selepas pelari dari Republik Filipina, Eric Shauwn Kang berjaya mendominasi perlumbaan dengan catatan terpantas 10.25 saat diikuti pemenang bagi perak dan gangsa oleh atlet Indonesia, menerusi Yaspi Boy dan Iswandi yang masing-masing mencatat masa 10.45.

Md. Fakhri melangkah ke final selepas berjaya mencatatkan masa 10.59 saat pada pusingan kelayakan kedua sekali gus mencatatkan masa terpantas terbarunya dan secara langsung menghapus rekod terdahulu yang pernah dilakukannya semasa kejohanan olahraga di Ipoh, Malaysia, iaitu 10.61 saat.

Sementara perkembangan pelari pecut muda kita, Md. Asy Syafi'e bin Md. Bohari, walaupun pertama kali didedahkan ke kejohanan antarabangsa namun beliau tidak menghampakan apabila bertanding dengan penuh semangat pada pusingan kelayakan tersebut.

Pada perlumbaan itu beliau berjaya mencatatkan masa 10.67 saat sekali gus menduduki tangga ke-6.

Ketika ditemu bual, pelari pecut muda yang berumur 18 tahun itu berkata, semasa acara 100m itu, beliau ada merasa sedikit kesakitan di bahagian buku lali apabila 40m ke barisan penamat, di samping kesukaran tiupan angin pada pagi itu.

Setentunya, perjuangan atlet pelari pecut kita tidak berhenti di situ saja malah Sukan SEA 2015 kali ini dapat dijadikan medan permulaan untuk mereka terus membuat latihan yang intensif agar terus gemilang mencipta ama di persada arena antarabangsa.



PELARI pecut negara, Md. Fakhri bin Ismail (kiri sekali) berjaya melangkah ke peringkat akhir dalam acara 100 Meter.



PELARI pecut muda, Md. Asy Syafi'e bin Md. Bohari (kanan sekali) semasa beraksi dalam acara 100 Meter.

## Perjuangan pesilat negara belum berakhir



Mohamad Kifli bin Hamzah yang akan bertarung esok Men's Tanding Class E.

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah dari Republik Singapura

**REPUBLIK SINGAPURA,** Khamis, 11 Jun. - Hari kedua bagi Pencak silat pada Sukan SEA Ke-28 menyaksikan penyertaan pesilat Negara Brunei Darussalam bagi Kategori Silat Tanding Putera Kelas 'C' (55 - 60kg).

Pertarungan di antara pesilat negara, Zainorarif bin Zaini menentang peserta dari Malaysia, Ahmad Shahrozli Zainudin berlangsung di Singapore Expo Hall, di sini.

Pesilat negara tidak dapat meneruskan pertandingan dan dikira *technical knock-out* pada pusingan kedua memberi kelebihan dan kemenangan kepada pesilat Malaysia yang berkesudahan mata 11 - 17.

Perjuangan skuad untuk memburu pingat masih diteruskan esok malam dalam Kategori Silat Tanding Kelas E (70 - 65kg) menerusi Mohamad Kifli bin Hamzah yang akan beradu dengan pesilat Timor-Leste, Hermenegildo Sarmento.

Mohamad Kifli yang baru pertama kali beraksi di Sukan SEA ketika ditemu bual berkata, persiapannya untuk bertarung giat dijalankan dan sentiasa bersedia bagi memberikan keputusan yang terbaik.

Katanya, ia tidak harus dipandang ringan kerana peserta-peserta pada Sukan SEA ini juga hebat belaka dan peluang masih belum berakhir.

Apa pun, tambahnya, sokongan dan sorakan sedikit sebanyak akan memberikan lagi semangat dan tahap keyakinan yang lebih tinggi.



PERTARUNGAN di antara pesilat negara, Zainorarif bin Zaini menentang peserta dari Malaysia, Ahmad Shahrozli Zainudin berlangsung di Singapore Expo Hall.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom (UK) of Great Britain dan Northern Ireland dan Perdana Menteri UK, Tuan Yang Terutama The Rt. Hon David Cameron MP, serta ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan rakyat UK of Great Britain dan Northern Ireland, bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II.

# Perutusan tahniah kepada baginda Queen

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 13 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom (UK) of Great Britain dan Northern Ireland dan Perdana Menteri UK, Tuan Yang Terutama The Rt. Hon David Cameron MP, serta ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan rakyat UK of Great Britain dan Northern Ireland, bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II.

Di dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, baginda sangat gembira berjumpa dengan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II semasa upacara meraikan 200 tahun perkhidmatan Gurkha dengan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II. Baginda seterusnya bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam menganggap upacara tersebut sebagai satu mercu tanda yang mustahak di dalam sejarah yang dikongsi bersama oleh kedua-dua buah negara dan baginda gembira menghadiri perayaan tersebut.

Baginda seterusnya sangat menghargai sokongan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II di dalam meningkatkan hubungan yang sudah lama terjalin di antara kedua-dua buah negara dan berharap untuk berpeluang untuk mengukuhkan lagi talian tradisi yang amat bernilai itu.

Pada mengakhiri perutusan baginda kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, baginda menyampaikan salam muhibah semoga baginda Queen Elizabeth II berada dalam keadaan sihat sejahtera dan kebahagiaan yang berterusan.

Manakala dalam perutusan baginda kepada Perdana Menteri UK, TYT The Rt. Hon David Cameron MP, baginda amat gembira bekerja dengan TYT terutamanya di sepanjang tahun ini untuk mengukuhkan kerjasama yang bernilai lagi mesra di antara kedua-dua buah negara dan rakyat. Baginda seterusnya berharap untuk meningkatkan lagi rakan perkongsian yang mustahak ini di tahun-tahun yang akan datang.

Baginda mengakhiri perutusan baginda kepada Perdana Menteri UK, TYT The Rt. Hon David Cameron MP dengan menyampaikan salam muhibah.

# Berkenan menghantar perutusan tahniah





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Benigno Simeon C. Aquino III sempena Ulang Tahun Ke-117 Hari Kemerdekaan Republik Filipina (tengah) dan kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin sempena Hari Kebangsaan Persekutuan Rusia (kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 12 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Benigno Simeon C. Aquino III serta kerajaan dan rakyat Republik Filipina sempena Ulang Tahun Ke-117 Hari Kemerdekaan republik berkenaan.

Di dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat gembira bahawa hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara telah menjadi lebih kukuh sejak tahun-tahun kebelakangan dengan perkembangan kerjasama dan persahabatan yang erat.

Baginda seterusnya berharap untuk membina lagi asas yang kukuh ke arah mengukuhkan lagi talian di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina dalam meneruskan kerja bersama dengan Tuan Yang Terutama di masa yang terdekat.

Kebawah DYMM berharap semoga TYT akan beroleh kejayaan dalam mempengerusikan APEC 2015 dan dapat bertemu dengan TYT pada Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin APEC (AELM) pada akhir tahun ini.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda menyampaikan salam muhibah kepada TYT Benigno Simeon C. Aquino III.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Setiausaha Hal Ehwal Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Albert F. Del Rosario, kerajaan dan rakyat republik berkenaan bersempena dengan Hari Kemerdekaan republik itu.

Dalam perutusan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan perasaan gembira kerana dapat bekerja dengan TYT dalam mengukuhkan hubungan persahabatan dua hala yang telah lama wujud dan kerjasama serantau serta menghargai sumbangan rakyat Filipina di Brunei dalam kedua-dua sektor awam dan swasta.

DYTM seterusnya berharap semoga Republik Filipina beroleh kejayaan dalam mempengerusikan Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin APEC tahun ini.

Sementara itu, pada masa yang sama, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin serta kerajaan dan rakyat Persekutuan Rusia sempena Hari Kebangsaan Persekutuan Rusia.

Di dalam perutusan Kebawah DYMM kepada Presiden Persekutuan Rusia, TYT Vladimir Putin, baginda menghargai pertalian mesra dan persahabatan erat yang dikongsi oleh kedua-dua buah negara dan rakyat dan baginda berharap untuk meneruskan lagi kerja bersama TYT untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Rusia dan juga melalui kerjasama serantau terutamanya dalam Dialog ASEAN-Rusia, Sidang Kemuncak Asia-Timur (East Asia Summit) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda menyampaikan salam muhibah kepada TYT Vladimir Putin.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Persekutuan Rusia, TYT Sergey Lavrov, kerajaan dan rakyat Rusia sempena dengan Hari Kebangsaan Persekutuan tersebut.

Dalam perutusan tersebut, DYTM menghargai hubungan persahabatan antara kedua-dua buah negara dan rakyat selama ini.

DYTM merasa gembira apabila mengetahui bahawa jemputan untuk Pertandingan Bacaan Al-Qur'an Antarabangsa di Moscow terus diperluaskan kepada rakyat Brunei Darussalam dan mengalu-alukan pemahaman agama dan budaya itu untuk berkembang.

DYTM berharap dapat meneruskan kerjasama kedua-dua buah negara untuk mengukuhkan perkongsian bersama yang sangat bernilai dalam Forum Serantau ASEAN dan Dialog ASEAN-Rusia.

# Amil perlu jujur, amanah laksanakan tugas

Dari muka 1

Bagi Daerah Tutong disediakan seramai 44 orang amil untuk 29 kawasan mengutip zakat dan bagi Daerah Temburong pula disediakan sebanyak 12 kawasan mengutip zakat dengan keramaian 22 orang amil.

Manakala di Jabatan MUIB telah melantik seramai 39 orang amil bagi empat kawasan mengutip zakat yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.

Tempat-tempat pengutipan dan pembayaran zakat dilakukan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, rumah-rumah amil (terdiri daripada penghulu dan ketua kampung) di Pejabat Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan MUIB dan cawangan-cawangan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Ugama di Daerah-Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu, institusi-institusi kewangan Islam yang dilantik sebagai amil adalah bagi mengutip zakat harta sahaja, iaitu bagi penyimpan di bank-bank Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Dalam Kutipan Zakat Fitrah dan Harta terdapat peningkatan termasuk keramaian orang yang berzakat pada tahun 1435 Hijrah / 2014 Masihi berbanding dari tahun 1434H / 2013M.

Hasil kutipan bagi Zakat Fitrah tahun 1434H / 2013M mencatatkan sebanyak BND905,693.54 dengan keramaian 322,534 orang dan meningkat kepada BND927,297.83 dengan keramaian 329,475 orang bagi tahun 1435H / 2014M.

Manakala bagi Kutipan Zakat Harta juga menunjukkan peningkatan dari BND15,466,076.30 daripada 4,148 orang bagi tahun 1434H / 2013M ke BND16,923,245.71 daripada 4,489 orang pada tahun 1435H / 2014M.

## MENTALITI KUAT, FIZIKAL SIHAT HADAPI RAMADAN

دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.